

# BUKU PANDUAN DAN KOD AMALAN INDUSTRI S.P.A.D. - KESELAMATAN UNTUK PENGENDALI BERLESEN PERKHIDMATAN KENDERaan BARANGAN



SURUHANJAYA  
PENGANGKUTAN AWAM DARAT  
SPAD  
LAND PUBLIC TRANSPORT  
COMMISSION



S U R U H A N J A Y A  
PENGANGKUTAN AWAM DARAT  
LAND PUBLIC TRANSPORT  
C O M M I S S I O N

**BUKU PANDUAN DAN  
KOD AMALAN INDUSTRI S.P.A.D. - KESELAMATAN  
UNTUK PENGENDALI BERLESEN PERKHIDMATAN KENDERAAN BARANGAN**

**Cetakan Edisi Kedua 2015**

Hak cipta terpelihara. Tiada mana-mana bahagian daripada bahan cetakan ini dikeluarkan atau dipindahkan ke dalam sebarang bentuk melalui sebarang cara, sama ada secara elektronik atau mekanik, termasuk fotokopi, rakaman, atau sebarang bentuk penyimpanan maklumat dan/atau sistem menyalin kecuali dengan keizinan bertulis Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (S.P.A.D.).

**BUKU PANDUAN DAN KOD AMALAN INDUSTRI S.P.A.D. -**  
**KESELAMATAN UNTUK PENGENDALI BERLESEN PERKHIDMATAN KENDERAAN BARANGAN**

**ISI KANDUNGAN**

SINGKATAN DAN ISTILAH .....	2
1.0 KATA ALU-ALUAN PENGERUSI S.P.A.D. .....	3
2.0 PENGENALAN .....	4
3.0 PROGRAM KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN.....	6
Pekeliling S.P.A.D. Bilangan 11 Tahun 2013 - .....	6
Pelaksanaan Kod Amalan Industri S.P.A.D. - Keselamatan untuk Pengendali Berlesen Perkhidmatan Kenderaan Barangan .....	6
4.0 KOD AMALAN INDUSTRI S.P.A.D. - KESELAMATAN (S.P.A.D. ICOP - KESELAMATAN) .....	7
5.0 Komponen Kritikal S.P.A.D. ICOP - Keselamatan .....	15
5.1 S.P.A.D. ICOP - KESELAMATAN (TANGGUNGJAWAB PENGENDALI) .....	16
5.2 S.P.A.D. ICOP - KESELAMATAN (PENGURUSAN PEMANDU) .....	20
5.3 S.P.A.D. ICOP - KESELAMATAN (PENGURUSAN KENDERAAN) .....	23
5.4 S.P.A.D. ICOP - KESELAMATAN (PENGURUSAN RISIKO) .....	26
5.5 S.P.A.D. ICOP - KESELAMATAN (PENGURUSAN REKOD) .....	35
6.0 KESIMPULAN .....	36
LAMPIRAN A1 (Senarai Semakan Bulanan oleh Pengendali dan SHO atau SHS) .....	41
LAMPIRAN A2 (Senarai Semakan Harian Pemandu oleh SHO atau SHS (sebelum perjalanan dimulakan)) .....	43
LAMPIRAN B (Senarai Semakan Harian Kenderaan oleh SHO atau SHS dan Pemandu (sebelum dan selepas perjalanan)) .....	44
LAMPIRAN C (Panduan Audit Dalaman (setiap 6 bulan)/Luaran S.P.A.D. ICOP - Keselamatan Kenderaan Barang) .....	45
LAMPIRAN D (Senarai Semakan Pengendali) .....	50
LAMPIRAN E (Senarai Semakan Pusat Kawalan) .....	51
LAMPIRAN F (Pelan Bantuan Kecemasan Kemalangan Jalan Raya (ERP) .....	51
LAMPIRAN G (Notis Bertulis Kemalangan Jalan Raya Oleh Pengendali) .....	53
LAMPIRAN H (Kenyataan Media Mengenai Kemalangan Jalan Raya) .....	55

**BUKU PANDUAN DAN KOD AMALAN INDUSTRI S.P.A.D. -**  
**KESELAMATAN UNTUK PENGENDALI BERLESEN PERKHIDMATAN KENDERAAN BARANGAN**

**SINGKATAN DAN ISTILAH**

SINGKATAN	ISTILAH
ABS	Sistem Brek Antikunci ( <i>Anti-lock Braking System</i> )
Akta PAD 2010	Akta Pengangkutan Awam Darat 2010 (Akta 715)
APJ 1987	Akta Pengangkutan Jalan 1987
BDM	Berat dengan Muatan
ERP	Pelan Tindakan Kecemasan ( <i>Emergency Response Plan</i> )
GPS	Sistem Kedudukan Sejagat ( <i>Global Positioning System</i> )
HIRARC	Pengenalpastian Bahaya, Penaksiran Risiko dan Kawalan Risiko ( <i>Hazard Identification, Risk Assessment &amp; Risk Control</i> )
JKKP	Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerja
JPJ	Jabatan Pengangkutan Jalan
KEJARA	Sistem Keselamatan Jalan Raya
KENDERAAN BARANGAN	Ertinya kenderaan barangan seperti yang didefinisikan di dalam seksyen 2 Akta PAD 2010
OSHA 1994	Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 ( <i>Occupational Safety and Health Act 1994</i> )
PENGERAK UTAMA	Ertinya kenderaaan barangan selain daripada treler
PDRM	Polis Diraja Malaysia
PUSPAKOM	Pusat Pemeriksaan Kenderaan Berkomputer
RnR	Rehat dan Rawat
SHE	Keselamatan, Kesihatan dan Persekitaran ( <i>Safety, Health &amp; Environment</i> )
SHO	Pegawai Keselamatan dan Kesihatan ( <i>Safety and Health Officer</i> )
SHS	Penyelia Keselamatan dan Kesihatan ( <i>Safety and Health Supervisor</i> )
SOP	Prosedur Operasi Standard ( <i>Standard Operating Procedure</i> )
S.P.A.D.	Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat
S.P.A.D. ICOP - Keselamatan	Kod Amalan Industri S.P.A.D. - Keselamatan
MIROS	Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia ( <i>Malaysian Institute of Road Safety Research</i> )

**BUKU PANDUAN DAN KOD AMALAN INDUSTRI S.P.A.D. -**  
**KESELAMATAN UNTUK PENGENDALI BERLESEN PERKHIDMATAN KENDERAAN BARANGAN**

## 1.0 KATA ALU-ALUAN PENGERUSI S.P.A.D.

Penambahbaikan dan penstrukturkan kod amalan dan garis panduan di bawah Edisi Pertama Buku Panduan SPAD ICOP Keselamatan Untuk Pengendali Kenderaan Barang 2014 telah dikemaskini dan ditambah dengan peruntukan-peruntukan baru merangkumi amalan pemandu kedua, pembawaan muatan secara selamat, format laporan kemalangan dan format kenyataan media.

Pelaksanaan program S.P.A.D. ICOP - Keselamatan untuk Pengendali Kenderaan Barang telah dimulakan pada bulan Januari 2013 dengan sesi latihan secara percuma. Sehingga bulan September 2015 sejumlah 2,147 orang Pengarah Urusan dan Pengarah Operasi Syarikat serta wakil pengurusan kanan telah menerima latihan di bawah program ini.

Pada 31 Oktober 2013, SPAD telah menguatkusakan Kod Amalan Industri S.P.A.D. - Keselamatan Untuk Pengendali Berlesen Perkhidmatan Kenderaan Barang melalui Pekeliling S.P.A.D. Bil. 11 Tahun 2013.

Pemeriksaan pematuhan atas pengendali telah dimulakan sejak Januari 2014 di mana setakat bulan Oktober 2015, program pemantauan pematuhan telah dilaksanakan ke atas 229 pengendali.

Hasil utama yang diharapkan dengan pelaksanaan program S.P.A.D. ICOP - Keselamatan untuk Pengendali Kenderaan Barang ialah:

- (a) menjadikan amalan keselamatan sebagai keutamaan setiap Pengendali Berlesen Kenderaan Barang;
- (b) mementingkan nilai-nilai moral bagi mengatasi masalah dan kelemahan dalam amalan keselamatan setiap Pengendali Berlesen Kenderaan Barang; dan
- (c) menjadikan amalan keselamatan sebagai budaya dan norma industri pengangkutan awam darat.

Sejak pelaksanaan program SPAD ICOP - Keselamatan mulai tahun 2013, pengendali telah menunjukkan kesungguhan yang sangat menggalakkan untuk melaksanakan kod amalan dan garis panduan S.P.A.D. ICOP Edisi Pertama 2014.

Adalah menjadi harapan saya agar komitmen peraturan-peraturan dibawah Kod Amalan Industri S.P.A.D. - Keselamatan Untuk Pengendali Berlesen Perkhidmatan Kenderaan Barang dipatuhi sepenuhnya oleh setiap pengendali kenderaan barang.



Tan Sri Dato' Seri Dr. Syed Hamid Bin Syed. Jaafar Albar  
Pengerusi  
Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat  
04 November 2015

**BUKU PANDUAN DAN KOD AMALAN INDUSTRI S.P.A.D. -**  
**KESELAMATAN UNTUK PENGENDALI BERLESEN PERKHIDMATAN KENDERAAN BARANGAN**

**KOD AMALAN INDUSTRI S.P.A.D. - KESELAMATAN UNTUK PENGENDALI  
BERLESEN PERKHIDMATAN KENDERAAN BARANGAN**

**2.0 PENGENALAN**

- 2.1 Bagi tempoh dari tahun 2002 hingga 2011, bilangan kematian akibat kemalangan yang membabitkan kenderaan barang telah meningkat daripada 197 orang kepada 247 orang.
- 2.2 Peningkatan bilangan kematian, kecederaan ringan serta kecederaan parah menghasilkan impak yang besar dan meninggalkan kesan negatif kepada aspek-aspek ekonomi dan sosial seperti yang berikut:
- (a) kehilangan nyawa;
  - (b) peningkatan bilangan orang kurang upaya (OKU);
  - (c) peningkatan beban kerja dan kos rawatan mangsa kemalangan di bahagian kecemasan di hospital-hospital;
  - (d) peningkatan jumlah pampasan yang perlu dibayar oleh syarikat-syarikat insurans;
  - (e) peningkatan kadar premium insurans bagi pengendali berdasarkan penambahan risiko kemalangan dan tuntutan; dan
  - (f) trauma dan kos rawatan pemulihan yang tinggi kepada mangsa dan ahli keluarga mangsa kemalangan.
- 2.3 Oleh itu, Buku Panduan dan Kod Amalan Industri S.P.A.D. - Keselamatan untuk Pengendali Berlesen Perkhidmatan Kenderaan Barang (“S.P.A.D. ICOP - Keselamatan Kenderaan Barang”) telah dimulakan pada bulan Mei 2013 bagi pengendali berlesen perkhidmatan kenderaan barang (“Pengendali”) untuk:
- (a) menerapkan nilai murni keselamatan di setiap peringkat organisasi; dan
  - (b) menjadikan amalan keselamatan sebagai budaya setiap pengendali pengangkutan awam darat.

**BUKU PANDUAN DAN KOD AMALAN INDUSTRI S.P.A.D. -**  
**KESELAMATAN UNTUK PENGENDALI BERLESEN PERKHIDMATAN KENDERAAN BARANGAN**


**Punca Utama Kemalangan Kenderaan Barang**

2.4 Berdasarkan kajian MIROS punca utama kemalangan kenderaan barang ialah:

PUNCA KEMALANGAN	FAKTOR PENYUMBANG	PERATUS (%)
Memandu Bawah Pengaruh “Driving Under Influence” Alkohol atau Dadah (Driving Under Influence of Alcohol or Drugs)	Pemandu/Pengurusan	1.7
Kerosakan tayar	Pengurusan	1.7
Kerosakan jalan	Pihak berkuasa	2.9
Kebolehlilahan (Conspicuity)	Pengurusan	2.6
Kerosakan brek	Pengurusan	3.3
Melanggar syarat SHE	Pengurusan	9.6
Keletihan pemandu	Pemandu/ Pihak Pengurusan/Penyelia	9.9
Melebihi had kelajuan	Pemandu	12.2
Membawa muatan berlebihan	Pemandu/ Pihak berkepentingan	13
Pemanduan berbahaya	Pemandu	16.2

Sumber: MIROS

Jadual 1: Peratusan Kemalangan Kenderaan Barang Mengikut Faktor Penyumbang



Rajah 1: Peratusan Kemalangan Kenderaan Pengangkutan Awam Mengikut Kategori Pengguna

**BUKU PANDUAN DAN KOD AMALAN INDUSTRI S.P.A.D. -**  
**KESELAMATAN UNTUK PENGENDALI BERLESEN PERKHIDMATAN KENDERAAN BARANGAN**

### **3.0 PROGRAM KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN**

- 3.1 Seksyen 37 OSHA 1994 memperuntukkan bahawa setiap Pengendali dikehendaki menerajui program keselamatan. Seksyen 58(1) Akta PAD 2010 pula memperuntukkan bahawa pengendali berlesen dan pekerjaanya hendaklah memberikan keutamaan paling tinggi kepada keselamatan penumpang di atas kenderaan barang dan memastikan kenderaan barang itu disenggarakan dalam keadaan baik.
- 3.2 Sejajar dengan peruntukan-peruntukan tersebut, S.P.A.D. membangunkan S.P.A.D. ICOP - Keselamatan Kenderaan Barang yang dikuatkuasakan sebagai salah satu syarat lesen Pengendali. Teras utama S.P.A.D. ICOP - Keselamatan Kenderaan Barang adalah seperti yang berikut:
- (a) penggubalan dan pelaksanaan dasar keselamatan (*comprehensive safety policy formulation and implementation*);
  - (b) pematuhan pada struktur organisasi keselamatan, kesihatan dan persekitaran (*Safety, Health and Environment* atau “SHE”) (*effective organization and management of SHE*);
  - (c) perancangan dan pelaksanaan agenda dan program-program keselamatan oleh Pengendali (*effective planning and implementation*);
  - (d) pemantauan dan penilaian setiap program oleh pihak Pengendali (*safety evaluation*); dan
  - (e) tindakan penambahbaikan dan pembetulan secara berterusan (*continuous preventive and corrective action*).

**Pekeliling S.P.A.D. Bilangan 11 Tahun 2013 -  
Pelaksanaan Kod Amalan Industri S.P.A.D. - Keselamatan untuk Pengendali  
Berlesen Perkhidmatan Kenderaan Barang**

- 3.3 S.P.A.D. ICOP - Keselamatan Kenderaan Barang telah diwajibkan melalui Pekeliling tersebut. Bersama buku panduan ini, Pekeliling S.P.A.D. Bilangan 11 Tahun 2013 dijadikan lampiran.

**BUKU PANDUAN DAN KOD AMALAN INDUSTRI S.P.A.D. -**  
**KESELAMATAN UNTUK PENGENDALI BERLESEN PERKHIDMATAN KENDERAAN BARANGAN**

**4.0 KOD AMALAN INDUSTRI S.P.A.D. - KESELAMATAN (S.P.A.D. ICOP - KESELAMATAN)**

Merujuk kepada Pekeliling S.P.A.D. Bilangan 11 Tahun 2013, berikut adalah senarai kod yang hendaklah dipatuhi oleh semua Pengendali:

Kod 1	Kehadiran Siri Latihan S.P.A.D. ICOP - Keselamatan
Kod 2	Jawatankuasa SHE
Kod 3	Dasar Keselamatan
Kod 4	Pegawai Keselamatan dan Kesihatan (SHO), Penyelia Keselamatan dan Kesihatan (SHS)
Kod 5	Prosedur Pengambilan Pemandu
Kod 6	Latihan Pemanduan Kenderaan Barang
Kod 7	Keperluan Menggantikan Pemandu Yang Telah Memandu Selama 4 Jam Berturut-Turut Dengan Pemandu Lain
Kod 8	Keperluan Ruang Tidur ( <i>Sleepers Cabin</i> ) untuk Pemandu Kedua di dalam Kenderaan Barang
Kod 9	Keperluan Pertukaran Pemandu Berdasarkan Rancangan Perjalanan ( <i>Journey Plan</i> )
Kod 10	Tempoh Pemanduan dan Had Waktu Bekerja
Kod 11	Buku Log Pemanduan
Kod 12	Pemeriksaan Harian Pemandu
Kod 13	Pemasangan GPS
Kod 14	Pemantauan GPS
Kod 15	Pemeriksaan Harian Kenderaan
Kod 16	Pembawaan Muatan Secara Selamat
Kod 17	Manual dan Prosedur Penyelenggaraan Kenderaan
Kod 18	Peralatan Keselamatan di dalam Kenderaan
Kod 19	Semakan Audit Dalaman
Kod 20	Semakan Audit Luaran
Kod 21	HIRARC
Kod 22	Pelan Tindakan Kecemasan
Kod 23	Laporan dan Penyiasatan Kemalangan/Insiden
Kod 24	Pengurusan Aduan
Kod 25	Pengurusan Rekod
Kod 26	Pematuhan Undang-undang lalulintas

**BUKU PANDUAN DAN KOD AMALAN INDUSTRI S.P.A.D. -**  
**KESELAMATAN UNTUK PENGENDALI BERLESEN PERKHIDMATAN KENDERAAN BARANGAN**

**Kod 1 Kehadiran Siri Latihan S.P.A.D. ICOP – Keselamatan Diwajibkan**

- 4.1 Pengendali hendaklah menghadiri setiap siri latihan S.P.A.D. ICOP - Keselamatan Kenderaan Barangian apabila diarahkan oleh S.P.A.D.

Kod 2, 3 dan 4 hanya terpakai bagi Pengendali yang mempunyai sekurang-kurangnya empat (4) buah kenderaan barangian (tidak termasuk treler) atau 40 orang pekerja .

**Kod 2 Jawatankuasa SHE**

- 4.2 Pengendali hendaklah:
- (a) mewujudkan Jawatankuasa SHE di tempat kerja. Sila rujuk Rajah 3.
  - (b) menjadi Pengurus Jawatankuasa SHE dan mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa SHE setiap bulan. Minit mesyuarat hendaklah diedarkan kepada semua ahli Jawatankuasa SHE dalam tempoh empat belas (14) hari selepas mesyuarat Jawatankuasa SHE diadakan.

**Kod 3 Dasar Keselamatan**

- 4.3 Pengendali hendaklah:
- (a) menyediakan dan melaksanakan satu pernyataan Dasar Keselamatan dan Kesihatan secara bertulis di tempat kerja.
  - (b) memastikan dasar tersebut ditulis dengan jelas, ditandatangani oleh Pengendali dan dipamerkan di tempat yang strategik di tempat kerja serta dikomunikasikan kepada pekerja dan pelanggan syarikat.
  - (c) Dasar keselamatan hendaklah merangkumi semua aspek keselamatan kenderaan, pemandu dan pengurusan risiko perjalanan. Dasar keselamatan syarikat hendaklah memenuhi kehendak S.P.A.D.

**Kod 4 Pegawai Keselamatan dan Kesihatan (SHO), Penyelia Keselamatan dan Kesihatan (SHS)**

- 4.4 Pengendali hendaklah:
- (a) Mengambil kerja seorang SHO semata-mata bagi maksud menjamin pematuhan wajar di tempat kerja seperti yang diperuntukan dalam OSHA 1994 dan mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya.
  - (b) Mengambil kerja seorang SHS secara tetap bagi maksud pematuhan terhadap S.P.A.D. ICOP - Keselamatan Kenderaan Barangian. Pelantikan SHS adalah bagi Pengendali yang tidak memenuhi keperluan seperti yang diperuntukan di bawah OSHA 1994.

**Kod 5 Prosedur Pengambilan Pemandu**

- 4.5 Pengendali hendaklah menyediakan dan melaksanakan prosedur bagi pengambilan pemandu. Sebelum seseorang diambil bekerja sebagai pemandu kenderaan barangian, Pengendali hendaklah memastikan perkara-perkara berikut dilakukan:

- (a) semakan rekod penglibatan dalam aktiviti jenayah berdasarkan rekod PDRM;

**BUKU PANDUAN DAN KOD AMALAN INDUSTRI S.P.A.D. -**  
**KESELAMATAN UNTUK PENGENDALI BERLESEN PERKHIDMATAN KENDERAAN BARANGAN**

- (b) semakan rekod saman trafik dalam masa tiga (3) tahun (*habitual offender*) berdasarkan rekod S.P.A.D., PDRM dan JPJ;
- (c) semakan mata demerit di bawah Sistem KEJARA oleh JPJ;
- (d) pelaksanaan ujian tahap kemahiran memandu ke atas pemandu (sekiranya bukti latihan yang dikemukakan kepada pihak syarikat adalah tidak meyakinkan); dan
- (e) pemeriksaan kesihatan (6 bulan tempoh sahlaku).

**Kod 6 Latihan Pemanduan Kenderaan Barang**

- 4.6 Pengendali hendaklah memastikan setiap pemandu diberi latihan memandu yang mengandungi perkara seperti yang berikut sekurang-kurangnya sekali dalam setiap tahun:
- (a) latihan kemahiran asas;
  - (b) latihan pemanduan profesional;
  - (c) latihan kemahiran memandu di kawasan berbukit; dan/atau
  - (d) latihan menangani keadaan kecemasan (termasuklah tetapi tidak terhad kepada kebakaran, kemalangan, kerosakan kenderaan dan bencana alam).

**Kod 7 Keperluan Menggantikan Pemandu Yang Telah Memandu Selama 4 Jam Berturut-Turut Dengan Pemandu Lain**

- 4.7 Pengendali hendaklah memastikan tiada pemandu boleh memandu kenderaan barang di mana-mana jalan atau lebuh raya melebihi empat (4) jam berturut-turut bermula dari masa dia memandu kenderaan barang.

**Kod 8 Keperluan Ruang Tidur (*Sleepers Cabin*) untuk Pemandu Kedua di dalam Kenderaan Barang**

- 4.8 Pemandu kedua tidak dibenarkan berada di dalam kenderaan barang semasa pemandu pertama sedang beroperasi kecuali kenderaan barang dilengkapi dengan ruang tidur (*Sleepers Cabin*).

**Kod 9 Keperluan Pertukaran Pemandu Berdasarkan Rancangan Perjalanan (*Journey Plan*)**

- 4.9 Bagi kenderaan barang yang tidak dilengkapi dengan ruang tidur (*Sleepers Cabin*), Pengendali hendaklah menyediakan Rancangan Perjalanan (*Journey Plan*) yang mengandungi butiran masa memandu, masa rehat, tempat rehat dan lokasi penggantian pemandu selepas empat (4) jam pemanduan yang diluluskan oleh Bahagian Pelesenan Jalan Raya (*Road Based Licensing*) dan Bahagian SPAD ICOP - Keselamatan.

**Kod 10 Tempoh Pemanduan dan Had Waktu Bekerja**

- 4.10 Pengendali hendaklah memastikan:
- (a) SHO atau SHS menyediakan jadual jam pemanduan dan jam bekerja untuk dipatuhi oleh pemandu.

**BUKU PANDUAN DAN KOD AMALAN INDUSTRI S.P.A.D. -**  
**KESELAMATAN UNTUK PENGENDALI BERLESEN PERKHIDMATAN KENDERAAN BARANGAN**

- (b) masa pemanduan maksimum tanpa rehat bagi pemandu ialah empat (4) jam;
- (c) masa pemanduan maksimum sehari bagi pemandu ialah lapan (8) jam;
- (d) masa bekerja maksimum sehari bagi pemandu ialah sepuluh (10) jam;
- (e) masa rehat minimum semasa dalam perjalanan bagi pemandu ialah 30 minit bagi setiap empat (4) jam perjalanan; dan
- (f) masa rehat wajib ialah satu (1) hari dalam tempoh tujuh (7) hari bekerja.

**Kod 11 Buku Log Pemanduan**

4.11 Pengendali hendaklah:

- (a) menyediakan buku log pemanduan di dalam setiap penggerak utama.
- (b) memastikan pemandu kenderaan barang merekodkan pergerakan kenderaan barang dan penggantian pemandu-pemandu kenderaan barang di dalam buku log pemanduan dan hendaklah dibawa bersama di dalam penggerak utama.
- (c) memastikan buku log mengandungi butir berikut;
  - i. nama pemandu;
  - ii. tarikh dan masa bertolak;
  - iii. tarikh dan masa sampai di destinasi;
  - iv. tarikh dan masa rehat;
  - v. jarak perjalanan; dan
  - vi. tarikh, masa dan lokasi pertukaran pemandu.

**Kod 12 Pemeriksaan Harian Pemandu**

4.12 Pengendali hendaklah memastikan SHO atau SHS melakukan pemeriksaan harian ke atas setiap pemandu sebelum seseorang pemandu itu dibenarkan memulakan perjalanan. Pemeriksaan harian pemandu hendaklah direkodkan dengan menggunakan format di dalam **Lampiran A2** buku panduan ini dan diisi dengan lengkap.

**Kod 13 Pemasangan GPS**

4.13 Pengendali hendaklah memastikan setiap penggerak utama dilengkapi dengan GPS yang berfungsi dan berupaya untuk memantau dan merekod semua perjalanan (sekurang-kurangnya maklumat berkenaan kelajuan dan lokasi).

**Kod 14 Pemantauan GPS**

4.14 Pengendali hendaklah:

- (a) memantau kelajuan setiap penggerak utama semasa ianya beroperasi dan mengambil tindakan serta merta terhadap pemandu yang didapati memandu secara berbahaya atau melebihi had laju yang telah ditetapkan oleh undang-undang.
- (b) menyemak laporan GPS bagi semua perjalanan.

**BUKU PANDUAN DAN KOD AMALAN INDUSTRI S.P.A.D. -**  
**KESELAMATAN UNTUK PENGENDALI BERLESEN PERKHIDMATAN KENDERAAN BARANGAN**

- (c) mengambil tindakan tatatertib dan/atau kaunseling ke atas pemandu bagi semua kesalahan lalulintas yang dilakukan oleh pemandu serta menyimpan rekod tindakan tatatertib dan/atau kaunseling tersebut.
- (d) memastikan tiada pemalsuan dan manipulasi terhadap rekod GPS.

**Kod 15 Pemeriksaan Harian Kenderaan**

- 4.15 Pengendali hendaklah memastikan pemandu dan SHO atau SHS melakukan pemeriksaan harian terhadap setiap kenderaan sebelum dan selepas perjalanan. Pemeriksaan harian kenderaan hendaklah direkodkan menggunakan format seperti di dalam **Lampiran B** buku panduan ini dan diisi dengan lengkap.

**Kod 16 Pembawaan Muatan Secara Selamat**

- 4.16 Pengendali hendaklah memastikan kenderaan barang termasuklah tetapi tidak terhad kepada perkara berikut:
- (a) membawa muatan mengikut garis panduan teknikal yang ditetapkan oleh JPJ;
  - (b) membawa muatan mengikut had muatan yang telah ditetapkan;
  - (c) membawa muatan tidak mengunjur keluar melebihi belakang, hadapan atau paras ketinggian panel sisi (*side board*) atau pagar (*railing*);
  - (d) membawa muatan tidak menyebabkan panel sisi (*side board*) atau panel belakang/ekor (*tail board*) kenderaan barang mengembang atau mengunjur keluar melebihi dimensi badan kenderaan;
  - (e) membawa muatan yang diikat dengan kemas; dan
  - (f) tidak menyebabkan sebarang tumpahan atau taburan muatan yang dibawa ke atas jalan raya yang boleh menyebabkan bahaya kepada pengguna jalan raya yang lain.

**Kod 17 Manual dan Prosedur Penyelenggaraan Kenderaan**

- 4.17 Pengendali hendaklah:
- (a) memastikan penyelenggaraan kenderaan dilakukan berdasarkan manual penyelenggaraan yang disediakan oleh pembuat kenderaan.
  - (b) mewujudkan satu prosedur penyelenggaraan kenderaan berdasarkan manual tersebut.

**Kod 18 Peralatan Keselamatan di dalam Kenderaan**

- 4.18 Pengendali hendaklah memastikan setiap kenderaan dilengkapi dengan peralatan keselamatan yang berfungsi seperti berikut:
- (a) 1 unit lampu suluh;
  - (b) 1 unit segitiga keselamatan (menepati piawaian MS 2294:2010);
  - (c) 1 unit kotak peti kecemasan;
  - (d) 5 unit kon keselamatan (menepati piawaian MS 1216);
  - (e) Rentetan delineator reflektif “*reflective string delineators*” (menepati piawaian MS 1216); dan

**BUKU PANDUAN DAN KOD AMALAN INDUSTRI S.P.A.D. -**  
**KESELAMATAN UNTUK PENGENDALI BERLESEN PERKHIDMATAN KENDERAAN BARANGAN**

- (f) 1 unit pemanas api 9kg (menepati piawaian MS 1539:Part 1:2002) dan belum melepassi tarikh tamat tempoh (*expiration date*).
- (g) 1 unit jaket keselamatan (menepati piawaian (MS 1731:2004 Class 2)

**Kod 19 Semakan Audit Dalam**

- 4.19 Pengendali hendaklah memastikan bahawa audit dalaman pematuhan S.P.A.D. ICOP - Keselamatan dilaksanakan setiap enam (6) bulan menggunakan format **Lampiran C** di dalam buku panduan ini. Laporan audit dalaman hendaklah dibentangkan kepada mesyuarat Jawatankuasa SHE dan kelemahan-kelemahan yang dikesan hendaklah diperbaiki dengan kadar segera.

**Kod 20 Semakan Audit Luaran**

- 4.20 Pengendali hendaklah memberi kerjasama yang baik, termasuklah mengemukakan dokumen yang diperlukan bagi tujuan pemeriksaan pematuhan S.P.A.D. ICOP - Keselamatan yang dijalankan secara rambang pada bila-bila masa dan selepas kejadian insiden/kemalangan.

**Kod 21 HIRARC**

- 4.21 Pengendali hendaklah:
- (a) mengenalpasti semua bahaya yang berkaitan dengan kegiatan pengangkutan jalan dan juga aktiviti-aktiviti bengkel dan depoh. Berdasarkan pengenalpastian bahaya tersebut, penilaian risiko bahaya itu hendaklah dijalankan supaya kawalan risiko boleh disediakan untuk mengelakkan berlakunya sebarang kemalangan/insiden yang disebabkan oleh apa-apa aktiviti yang dijalankan.
  - (b) mendokumentkan HIRARC dalam bentuk peta perjalanan dan dikaji semula jika terdapat perubahan dalam aktiviti-aktiviti yang dijalankan, atau jika terdapat apa-apa bahaya baru atau bahaya yang berbangkit daripada apa-apa aktiviti.

**Kod 22 Pelan Tindakan Kecemasan**

- 4.22 Pengendali hendaklah:
- (a) menyediakan pelan dan prosedur pengurusan kemalangan bagi memastikan operasi bantuan kecemasan berjalan dengan lancar.
  - (b) memastikan SHO atau SHS menyediakan pelan tindakan kecemasan untuk menyelamatkan dan merawat mangsa kemalangan dengan segera terutamanya mangsa kemalangan yang cedera parah. **Lampiran F** di dalam buku panduan ini hendaklah dijadikan sebagai panduan bagi mewujudkan pelan tindakan kecemasan.

**Kod 23 Laporan dan Penyiasatan Kemalangan/Insiden**

- 4.23 Apabila kemalangan/insiden berlaku, Pengendali hendaklah:

**BUKU PANDUAN DAN KOD AMALAN INDUSTRI S.P.A.D. -**  
**KESELAMATAN UNTUK PENGENDALI BERLESEN PERKHIDMATAN KENDERAAN BARANGAN**

- (a) melaporkan kemalangan/insiden semasa operasi kenderaan dalam masa 2 jam selepas kemalangan/insiden berlaku kepada S.P.A.D. melalui talian hotline 1-800-88-7723(SPAD);
- (b) membuat kenyataan media (sila rujuk **Lampiran H** bagi kriteria minimum) berdasarkan siasatan awal (tidak melebihi tempoh 12 jam dari masa kemalangan/insiden) dan kenyataan lengkap selepas siasatan dalaman dalam tempoh 24 jam;
  - i. Pengendali juga dikehendaki menerajui dan memantau operasi bantuan kecemasan dan menyelamat mangsa kemalangan;
  - ii. seterusnya ahli keluarga mangsa perlu dihubungi dan syarikat dikehendaki memberi segala bantuan yang diperlukan oleh mangsa dan keluarga di bawah agenda Tanggungjawab Sosial Korporat;
  - iii. melengkapkan laporan secara bertulis (sila rujuk **Lampiran G** bagi kriteria minimum) dalam tempoh 72 jam daripada masa kejadian kepada S.P.A.D. mengenai kejadian yang berlaku dan cadangan penambahbaikan; dan
  - iv. mengadakan mesyuarat Jawatankuasa SHE khusus dalam tempoh 2 minggu selepas kemalangan/insiden berlaku bagi membincangkan langkah-langkah penambahbaikan dan pengurangan risiko kemalangan/insiden berdasarkan laporan siasatan dalaman dan laporan dari S.P.A.D., PDRM, , PUSPAKOM dan/atau MIROS.

**Kod 24 Pengurusan Aduan**

4.24 Pengendali hendaklah:

- (a) memastikan talian hotline syarikat dipamerkan pada setiap kenderaan bagi tujuan aduan;
- (b) memastikan semua panggilan yang masuk berkenaan aduan direkodkan;
- (c) memastikan setiap aduan yang diterima hendaklah disiasat oleh SHO atau SHS;
- (d) memastikan langkah penambahbaikan hendaklah diambil dalam tempoh tujuh (7) hari; dan
- (e) memastikan rekod mengenai setiap aduan yang diterima dan tindakan yang telah diambil oleh Pengendali hendaklah direkodkan dengan lengkap bagi semakan oleh pihak audit dalaman dan luaran.

**Kod 25 Pengurusan Rekod**

4.25 Pengendali hendaklah memastikan semua data dan rekod berkaitan keselamatan dan kesihatan pekerjaan disimpan untuk tempoh 7 tahun, dikemaskini dan diuruskan dengan baik sebagai sumber rujukan dan semakan semula oleh pihak audit dalaman dan luaran sebagai asas penambahbaikan. Jenis-jenis rekod umum yang hendaklah disimpan adalah seperti yang berikut:

- (a) sijil kehadiran Latihan S.P.A.D. ICOP - Keselamatan (sila rujuk Kod 1);

**BUKU PANDUAN DAN KOD AMALAN INDUSTRI S.P.A.D. -**  
**KESELAMATAN UNTUK PENGENDALI BERLESEN PERKHIDMATAN KENDERAAN BARANGAN**

- (b) carta organisasi Jawatankuasa SHE (sila rujuk Kod 2);
- (c) minit mesyuarat Jawatankuasa SHE setiap bulan (sila rujuk Kod 2);
- (d) dasar keselamatan (sila rujuk Kod 3);
- (e) surat pelantikan SHO atau SHS (sila rujuk Kod 4);
- (f) rekod pemandu (sila rujuk Kod 5);
- (g) latihan bagi pemandu, termasuk perancangan dan pelaksanaan (sila rujuk Kod 6);
- (h) buku log pemanduan (sila rujuk Kod 7, Kod 10 dan Kod 11);
- (i) pemeriksaan harian pemandu (sila rujuk Kod 12 dan **Lampiran A2** bagi kriteria minimum);
- (j) rekod kenderaan;
- (k) inbois pembayaran GPS dan pemantauan kelajuan kenderaan (sila rujuk Kod 13 dan Kod 14);
- (l) pemeriksaan harian kenderaan (sila rujuk Kod 15 dan **Lampiran B** bagi kriteria minimum);
- (m) pemeriksaan berkala PUSPAKOM;
- (n) manual dan prosedur penyelenggaraan kenderaan (sila rujuk Kod 17);
- (o) kerosakan kenderaan yang dikenalpasti semasa perjalanan;
- (p) penyelenggaraan kenderaan dan butir-butir baik pulih kenderaan;
- (q) penyerahan dan penyimpanan peralatan keselamatan pada kenderaan (sila rujuk Kod 18);
- (r) laporan dan penemuan audit dalaman  
(sila rujuk Kod 19 dan **Lampiran C**);
- (s) laporan dan penemuan audit luaran (sila rujuk Kod 16);
- (t) HIRARC (sila rujuk Kod 21);
- (u) pelan tindakan kecemasan (sila rujuk Kod 22);
- (v) kemalangan/insiden semasa kenderaan sedang beroperasi (sila rujuk Kod 23 dan **Lampiran G** bagi kriteria minimum);
- (w) kenyataan media mengenai kemalangan/insiden jalan raya (sila rujuk Kod 23 dan **Lampiran H** bagi kriteria minimum);
- (x) aduan pelanggan atau pihak yang berkepentingan (sila rujuk Kod 24);
- (y) pemeriksaan bulanan (**Lampiran A1**); dan
- (z) notis dan saman kenderaan dan pemandu daripada pihak penguatkuasa.

**Kod 26 Pematuhan Undang-undang lalulintas**

- 4.26 Pengendali hendaklah mematuhi kesemua peruntukan kaedah-kaedah berkenaan lalulintas yang dikeluarkan oleh Akta PAD 2010 dan APJ 1987.

**BUKU PANDUAN DAN KOD AMALAN INDUSTRI S.P.A.D. -**  
**KESELAMATAN UNTUK PENGENDALI BERLESEN PERKHIDMATAN KENDERAAN BARANGAN**

**5.0 Komponen Kritikal S.P.A.D. ICOP - Keselamatan**

5.0.1 Pengendali yang mempunyai sekurang-kurangnya empat (4) buah kenderaan barang (tidak termasuk treler) atau sekurang-kurangnya 40 orang pekerja dikehendaki melaksanakan semua lima (5) komponen kritikal S.P.A.D. ICOP - Keselamatan iaitu:

**(a) Tanggungjawab Pengendali**

Pengendali hendaklah memainkan peranan proaktif dan menunjukkan komitmen yang tinggi untuk melindungi keselamatan pekerja-pekerja syarikat dan orang awam.

**(b) Pengurusan Pemandu**

Pengendali hendaklah memimpin dan melaksanakan program pengurusan pemandu berdasarkan amalan terbaik yang merangkumi prosedur pengambilan pemandu, latihan pemanduan, penggiliran pemandu, disiplin pemandu, kebajikan pemandu, had jam pemanduan dan had jam waktu bekerja serta pelaksanaan sistem merit dan demerit.

**(c) Pengurusan Kenderaan**

Komponen pengurusan kenderaan bertujuan untuk memantau dan memastikan setiap kenderaan berada dalam keadaan mekanikal yang selamat untuk setiap perjalanan. Komponen ini hendaklah merangkumi amalan terbaik dari aspek penyelenggaraan kenderaan, pemeriksaan kenderaan, pematuhan kepada piawaian teknikal dan pemeriksaan kenderaan sebelum perjalanan.

**(d) Pengurusan Risiko Perjalanan**

- i. Langkah-langkah memahami risiko ialah faktor penting untuk setiap perjalanan yang selamat. Oleh itu, Pengendali hendaklah memastikan pusat kawalan operasi perjalanan memainkan peranan untuk memantau tingkah laku pemandu dalam perjalanan melalui sistem GPS.
- ii. Rekod GPS perlu dimuat turun dan diteliti setiap hari oleh SHO atau SHS untuk mendisiplinkan pemandu yang melanggar mana-mana peraturan lalulintas yang berkenaan.
- iii. Faktor alam sekitar seperti kawasan berbukit, banjir, haiwan melintas, pembaikan jalan, dan risiko di jalan raya ialah faktor-faktor penting yang perlu ditangani oleh Pengendali.
- iv. Setiap kenderaan hendaklah dilengkapi dengan peralatan keselamatan berdasarkan senarai peralatan keselamatan yang ditetapkan oleh S.P.A.D. (sila rujuk kod 18)


**(e) Pengurusan Rekod**

Data dan rekod Jawatankuasa SHE, pengurusan pemandu, pengurusan kenderaan, pengurusan risiko perjalanan, kemalangan/insiden, aduan, latihan dan semakan audit, hendaklah didokumenkan dan difaiklan dengan teratur supaya mudah untuk rujukan dan semakan.

- 5.0.2 Pengendali yang mempunyai kurang daripada empat (4) buah kenderaan barang (tidak termasuk treler) atau kurang daripada 40 orang pekerja dikehendaki melaksanakan empat (4) komponen kritikal S.P.A.D. ICOP - Keselamatan seperti berikut:

- (b) Pengurusan Pemandu;
- (c) Pengurusan Kenderaan;
- (d) Pengurusan Risiko; dan
- (e) Pengurusan Rekod.

### 5.1 S.P.A.D. ICOP - KESELAMATAN (TANGGUNGJAWAB PENGENDALI)




Rajah 2: Tanggungjawab Pengendali

**BUKU PANDUAN DAN KOD AMALAN INDUSTRI S.P.A.D. -**  
**KESELAMATAN UNTUK PENGENDALI BERLESEN PERKHIDMATAN KENDERAAN BARANGAN**

- 5.1.1 Pengendali hendaklah memperjuangkan dan mengutamakan aspek-aspek keselamatan supaya nilai murni keselamatan menjadi amalan harian dan industri.
- 5.1.2 Aspek yang perlu diutamakan oleh setiap Pengendali adalah seperti yang berikut:
- (a) dasar keselamatan dijadikan landasan program-program keselamatan;
  - (b) mesyuarat jawatankuasa SHE hendaklah diadakan secara bulanan dan minit mesyuarat hendaklah diedarkan kepada semua ahli jawatankuasa;
  - (c) audit dalaman dilaksanakan setiap enam (6) bulan menggunakan format **Lampiran C** di dalam buku panduan ini dan melaksanakan penambahbaikan secara berterusan ke atas perkara-perkara yang belum dilaksanakan dengan sempurna;
  - (d) rekod GPS dimuat turun oleh SHO atau SHS, serta disemak setiap hari dan dipantau oleh Pengendali;
  - (e) aduan pelanggan hendaklah direkodkan dan dipantau setiap hari oleh SHO atau SHS;
  - (f) laporan harian SHO atau SHS diteliti oleh Pengendali secara berkala dari aspek keselamatan berdasarkan lima (5) elemen kritikal S.P.A.D. ICOP - Keselamatan dan tindakan penambahbaikan diambil dengan serta-merta bagi setiap kesalahan dan pelanggaran syarat;
  - (g) pemantauan oleh SHO atau SHS dan pengendaliterhadap pematuhan pemandu-pemandu syarikat kepada had pemanduan lapan (8) jam sehari dan had waktu bekerja 10 jam sehari serta cuti satu (1) hari dalam tempoh enam (6) hari bekerja;
  - (h) siasatan terhadap sebarang kemalangan/insiden yang berlaku dalam perjalanan (*en-route the journey*), dan membuat cadangan kepada Pengendali mengenai langkah-langkah yang hendak diambil bagi mencegah dari berulangnya peristiwa itu;
  - (i) penelitian oleh Pengendali untuk memastikan prosedur mengenai pengurusan pemandu, kenderaan, risiko perjalanan dan rekod mencontohi amalan terbaik dan dipatuhi sepenuhnya pada setiap peringkat organisasi;
  - (j) memastikan supaya ERP disediakan dan dimaklumkan kepada pihak-pihak yang berkepentingan dalam organisasi khususnya yang berperanan untuk mematuhi dan melaksanakannya; dan
  - (k) melaksanakan pelan kemajuan kerjaya untuk setiap kakitangan dalam organisasi.

### **Jawatankuasa SHE (Berkaitan dengan Kod 2)**

- 5.1.3 Menurut Seksyen 30 OSHA, majikan yang mempunyai sekurang-kurangnya 40 orang pekerja hendaklah menujuhkan suatu Jawatankuasa SHE di tempat kerja (sila rujuk Rajah 3). Komposisi Jawatankuasa SHE yang ditubuhkan hendaklah memenuhi Peraturan 4 dan 5 Peraturan-peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan) 1996.
- 5.1.4 Pengendali hendaklah menyediakan peluang latihan yang mencukupi kepada anggota Jawatankuasa SHE untuk membolehkan mereka melaksanakan fungsi masing-masing dengan cekap.



*Rajah 3: Jawatankuasa SHE*

### **Dasar Keselamatan dan Kesihatan (Berkaitan dengan Kod 3)**

- 5.1.5 Antara perkara yang perlu dinyatakan dalam pembentukan dan pelaksanaan dasar keselamatan dan kesihatan oleh setiap Pengendali adalah seperti yang berikut:
- (a) komitmen Pengendali terhadap isu keselamatan;
  - (b) pematuhan kepada kehendak perundangan di bawah OSHA 1994 dan Kod Industri Amalan Keselamatan 2010;
  - (c) penyertaan pekerja dalam Jawatankuasa SHE di setiap peringkat organisasi; dan
  - (d) kajian semula Dasar Keselamatan dan Kesihatan mengikut keperluan.

### **Penglibatan Pekerja dalam Agenda Keselamatan**

- 5.1.6 Pengendali hendaklah memastikan bahawa pandangan dan cadangan yang diberikan oleh pekerja berkenaan isu keselamatan

diterima dan dipertimbangkan. Pekerja hendaklah diberikan maklumbalas tentang kemajuan serta tindakan yang telah diambil untuk mengeratkan perhubungan dan interaksi antara pekerja dengan Pengendali.

- 5.1.7 Isu keselamatan dan kebajikan pekerja hendaklah meliputi perkara-perkara berikut:
- (a) dasar dan komitmen syarikat mengenai isu-isu keselamatan pekerja;
  - (b) aktiviti seperti pertandingan keselamatan lalu lintas, seminar, kempen, ceramah, tayangan video, filem dan dokumentari keselamatan untuk pekerja dan ahli keluarga mereka;
  - (c) sudut pameran keselamatan dalam bentuk papan kenyataan bagi memberikan maklumat berhubung isu-isu dan aktiviti keselamatan;
  - (d) peti cadangan bagi aduan dan cadangan berhubung isu-isu semasa; dan
  - (e) pemantauan tugas SHO atau SHS dan pemandu bagi memastikan pemeriksaan keselamatan dijalankan sebelum dan selepas setiap perjalanan.



Rajah 4: Carta Aliran S.P.A.D. ICOP - Keselamatan

**SHO atau SHS sebagai Penasihat kepada Pengendali  
(berkaitan dengan Kod 4)**

- 5.1.8 SHO hendaklah menjalankan kewajipan seperti yang tertakluk di bawah Peraturan-Peraturan Keselamatan dan Kesihatan (Pegawai Keselamatan dan Kesihatan) 1997. Untuk Pengendali yang dikecualikan daripada melantik SHO, Pengendali hendaklah

melantik SHS bagi menjalankan tanggungjawab seperti mana SHO. Antara tugas utama SHO adalah seperti yang berikut:

- (a) menasihati Pengendali mengenai isu-isu keselamatan;
- (b) memeriksa tempat kerja untuk mengenal pasti bahaya yang boleh menyebabkan kemalangan/insiden;
- (c) menyiasat sebarang kemalangan/insiden atau kemalangan nyaris (*near miss*) semasa operasi kenderaan barang berdasarkan lima (5) elemen kritikal S.P.A.D. ICOP - Keselamatan (Tanggungjawab Pengendali, Pengurusan Pemandu, Pengurusan Kenderaan, Pengurusan Risiko dan Pengurusan Rekod);
- (d) melaksanakan dan mengawasi program keselamatan di tempat kerja;
- (e) menjadi setiausaha kepada Jawatankuasa SHE; dan
- (f) mengemukakan laporan berkala kepada pihak Pengendali berkaitan aktiviti keselamatan di tempat kerja terutamanya aspek-aspek yang memerlukan penambahbaikan.

## 5.2 S.P.A.D. ICOP - KESELAMATAN (PENGURUSAN PEMANDU)

- 5.2.1 Elemen-elemen kritikal dalam pengurusan dan pemantauan pemandu adalah seperti pada Rajah 5:



Rajah 5: Amalan Pengurusan Pemandu yang Baik

**BUKU PANDUAN DAN KOD AMALAN INDUSTRI S.P.A.D. -**  
**KESELAMATAN UNTUK PENGENDALI BERLESEN PERKHIDMATAN KENDERAAN BARANGAN**

**Prosedur Pengambilan Pemandu (berkaitan dengan Kod 5)**

- 5.2.2 Prosedur pengambilan pemandu hendaklah diawasi dan diperketatkan oleh Pengendali untuk memastikan pemandu bersih daripada rekod kesalahan trafik dan rekod jenayah.
- 5.2.3 Jika calon mempunyai rekod jenayah (jenayah kekerasan atau jenayah harta benda) atau 3 (tiga) kesalahan trafik secara berulang, pengendali disyorkan supaya tidak mengambil calon tersebut sebagai pemandu dan mengutamakan calon yang tidak mempunyai rekod jenayah mahupun kesalahan trafik untuk diambil sebagai pemandu.

**Latihan Pra-perkhidmatan untuk Pemandu Kenderaan Barang (berkaitan dengan Kod 6)**

- 5.2.4 Latar belakang dan jenis kemahiran seseorang pemandu kelas E sangat penting dijadikan sebagai asas untuk merangka keperluan latihan pra-perkhidmatan dan juga bagi merancang keperluan latihan dalam perkhidmatan.

**Latihan untuk Meningkatkan Kemahiran Pemandu (berkaitan dengan Kod 6)**

- 5.2.5 Pengendali hendaklah:
- (a) mengenal pasti dan menyediakan latihan yang berkaitan dengan keselamatan dan kesihatan kepada semua pekerja sekurang-kurangnya sekali dalam setiap tahun bagi memastikan keselamatan dan kesihatan setiap pekerja;
  - (b) menyediakan program latihan yang lengkap meliputi latihan berbentuk kemahiran teknikal seperti latihan pemanduan berhemah, latihan tindakan kecemasan, kemahiran pengendalian kenderaan, pengendalian alat keselamatan, ceramah motivasi, dan penerapan nilai-nilai murni;
  - (c) memastikan semua pemandu dan pekerja diberi latihan berkaitan pemanduan berhemah dan nilai-nilai murni yang diadakan secara berkala dan berjadual; dan
  - (d) memastikan semua latihan yang dikendalikan hendaklah direkodkan supaya kemajuan kerjaya, latihan yang diperoleh dan keperluan latihan setiap pekerja dapat dipantau dengan rapi oleh Pengendali.

**Pemantauan Pemandu (berkaitan dengan Kod 7, Kod 10, Kod 11, Kod 12, Kod 14, Kod 15 dan Kod 26)**

- 5.2.6 Pemantauan pemandu oleh pengendalian SHO atau SHS wajib dilakukan bagi memastikan setiap pemandu mengamalkan pemanduan berhemah semasa memandu kenderaan. SHO atau SHS hendaklah sentiasa mengawasi perkara-perkara yang berikut:

**BUKU PANDUAN DAN KOD AMALAN INDUSTRI S.P.A.D. -**  
**KESELAMATAN UNTUK PENGENDALI BERLESEN PERKHIDMATAN KENDERAAN BARANGAN**

- (a) borang pemeriksaan harian hendaklah dipantau bagi memastikan pemandu menjalankan pemeriksaan tayar, brek, lampu dan sistem stereng kenderaan sebelum dan selepas setiap perjalanan;
- (b) menyemak rekod pemandu berdasarkan rekod kesalahan trafik yang merangkumi kesalahan melebihi kelajuan yang dibenarkan, memotong di kawasan larangan, melanggar peraturan jarak keselamatan, memotong secara berbahaya, melanggar peraturan lampu isyarat dan memandu di lorong kanan; dan
- (c) meneliti rekod GPS dan setiap aduan penumpang dengan teliti supaya tindakan dapat diambil terhadap pemandu yang memandu secara berbahaya atau melakukan kesalahan lain seperti merokok atau menggunakan telefon bimbit semasa memandu.

**Kesihatan dan Kebajikan Pemandu**

5.2.7 Pengendali dan SHO atau SHS hendaklah mengutamakan aspek kebijakan dan kesihatan pemandu melalui perkara yang berikut:

- (a) pemeriksaan kesihatan pemandu secara berkala;
- (b) amalan terbaik dari aspek had waktu memandu, waktu kerja dan waktu rehat, sumbangan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Dana Pembangunan Sumber Manusia “*Human Resource Development Fund*” dan aktiviti kebijakan untuk pemandu dan ahli keluarga pemandu;
- (c) melaksanakan sistem pemandu gantian (contoh apabila pemandu yang bertugas tidak sihat untuk memandu);
- (d) menyediakan kemudahan rehat yang selesa untuk pemandu sebelum dan di antara waktu perjalanan; dan
- (e) merangka dan melaksanakan program kebijakan untuk pemandu-pemandu dan ahli keluarga mereka.

### 5.3 S.P.A.D. ICOP - KESELAMATAN (PENGURUSAN KENDERAAN)



Rajah 6: Amalan Pengurusan Kenderaan Barang yang Baik

#### Pemeriksaan Harian Kenderaan (berkaitan dengan Kod 15)

- 5.3.1 Pengendali hendaklah menetapkan dan memantau prosedur pemeriksaan keselamatan harian setiap kenderaan oleh pemandu dan penyelia untuk mengenal pasti keadaan kenderaan berkenaan selamat terutamanya dari aspek mekanikal.
- 5.3.2 Pemeriksaan harian menggunakan format **Lampiran B** adalah bertujuan untuk mengesahkan kenderaan berkenaan berada dalam keadaan selamat berdasarkan garis panduan yang disediakan oleh S.P.A.D. Pemeriksaan keselamatan kenderaan hendaklah meliputi perkara yang berikut:
- semakan dokumen pelesenan kenderaan;
  - semakan sistem enjin;
  - semakan sistem brek, tayar, kawalan stereng, lampu kenderaan dan lampu isyarat;
  - pengesahan had muatan yang dibenarkan; dan
  - semakan peralatan bantuan kecemasan dan kebakaran yang dibawa di dalam kenderaan berdasarkan syarat-syarat lesen.

**BUKU PANDUAN DAN KOD AMALAN INDUSTRI S.P.A.D. -**  
**KESELAMATAN UNTUK PENGENDALI BERLESEN PERKHIDMATAN KENDERAAN BARANGAN**

**Melaporkan dan Merekodkan Kerosakan Kenderaan  
(berkaitan dengan Kod 17)**

5.3.3 Tindakan yang telah diambil bagi membaiki kerosakan kenderaan hendaklah direkodkan setiap kali kenderaan berkenaan dilaporkan rosak.

**Pelan atau Manual Penyelenggaraan dan Pemeriksaan Keselamatan Kenderaan (berkaitan dengan Kod 17)**

5.3.4 Pelan penyelenggaraan dan pemeriksaan kenderaan hendaklah meliputi perkara yang berikut:

- (a) penyelenggaraan secara berkala;
- (b) semakan komponen kritikal oleh penyelia dan pemandu sebelum dan selepas perjalanan termasuk semakan tayar, sistem brek, stereng, peralatan keselamatan dan bateri kenderaan;
- (c) kenderaan yang mengalami kerosakan hendaklah dihentikan penggunaannya oleh SHO atau SHS sehingga kerosakan dibaiki; dan
- (d) semua kenderaan wajib dihantar untuk pemeriksaan awalan JPJ dan pemeriksaan berkala oleh PUSPAKOM.

**Rekod Pengurusan Kenderaan (berkaitan dengan Kod 25)**


5.3.5 Pengendali hendaklah memastikan rekod-rekod lengkap pemeriksaan keselamatan, penyelenggaraan serta baik pulih kenderaan disimpan dengan kemas dan mudah untuk diakses dan disemak semula semasa pemeriksaan audit dalaman dan luaran atau penyiasatan kemalangan/insiden yang dijalankan oleh pihak yang berwajib.

**Peralatan Keselamatan Kenderaan (berkaitan dengan Kod 18)**


5.3.6 Contoh peralatan keselamatan yang wajib dibawa oleh pemandu kenderaan barangian ialah seperti berikut:

ALATAN	CONTOH
Peti Kecemasan	

**BUKU PANDUAN DAN KOD AMALAN INDUSTRI S.P.A.D. -**  
**KESELAMATAN UNTUK PENGENDALI BERLESEN PERKHIDMATAN KENDERAAN BARANGAN**

<b>5 Buah Kon Keselamatan</b>	<p>Cone material : PVC or equivalent          Colour : Fluorescent red orange          Weight : 4.4kg (LLM)</p> <p>Retroreflective collar : MS1216 High Intensity grade</p> 
<b>Rentetan delineator reflektif “reflective string delineators”</b>	<p><u>Reflective String Delineators</u></p> <p>Delineators reflectivity : MS1216 High Intensity grade          Colour : Fluorescent lime yellow</p> <p>Construction : Double sided          75mm X 75mm high frequency welded retroreflective vinyl micropism.          50 nos. fastened to a polypropylene rope</p> 
<b>Lampu Suluh</b>	

**BUKU PANDUAN DAN KOD AMALAN INDUSTRI S.P.A.D. -**  
**KESELAMATAN UNTUK PENGENDALI BERLESEN PERKHIDMATAN KENDERAAN BARANGAN**

<b>Segi Tiga Keselamatan</b>	 Menepati piawaian MS 2294:2010
<b>Alat Pemadam Api</b>	Menepati piawaian MS 1539:Part 1:2002 (9KG) 
<b>Jaket Keselamatan</b>	Compliant : MS 1731:2004 Class 2 SIRIM certified Reflectivity : Level 2 Fabric : Fluorescent yellow polyester  

#### 5.4 S.P.A.D. ICOP - KESELAMATAN (PENGURUSAN RISIKO)

##### HIRARC (berkaitan dengan Kod 21)

- 5.4.1 Penaksiran risiko hendaklah mengambil kira faktor pemandu, kenderaan, jalan dan persekitaran tempat kerja perkara-perkara seperti berikut:
- (a) kategori jalan yang digunakan (berselekok, tiada penghadang jalan, kawasan berbukit dan sebagainya);
  - (b) jenis kenderaan;

**BUKU PANDUAN DAN KOD AMALAN INDUSTRI S.P.A.D. -**  
**KESELAMATAN UNTUK PENGENDALI BERLESEN PERKHIDMATAN KENDERAAN BARANGAN**

- (c) tanda amaran jalan dan kenderaan yang tidak jelas;
- (d) kesihatan pemandu;
- (e) kelayakan dan kemahiran pemandu;
- (f) SOP keselamatan sebagai dokumen induk untuk dirujuki dan dipatuhi pada setiap peringkat organisasi;
- (g) tahap pematuhan kepada peraturan keselamatan semasa membaik pulih dan menyelenggara kenderaan;
- (h) kawalan risiko dalam pengendalian dan penggunaan bahan kimia; dan
- (i) pematuhan kepada peraturan keselamatan bagi aktiviti yang berkaitan dengan gas dan penggunaan kelengkapan elektrik mudah alih.

**5.4.2** Langkah keselamatan yang perlu dilaksanakan oleh Pengendali bagi meminimumkan risiko hendaklah meliputi program seperti berikut:

- (a) program latihan pekerja berdasarkan penilaian keperluan latihan;
- (b) pemeriksaan kesihatan pemandu secara berkala;
- (c) mewujudkan SOP untuk kerja-kerja di premis operasi;
- (d) program latihan mengenai pemanduan yang selamat;
- (e) perancangan reka bentuk dan susun atur bengkel berdasarkan amalan terbaik;
- (f) pemeriksaan harian kenderaan oleh pemandu dan SHO atau SHS sebelum dan selepas perjalanan;
- (g) penyelenggaraan berkala setiap kenderaan berdasarkan manual pembuat kenderaan; dan
- (h) pemeriksaan peralatan keselamatan seperti tali pinggang keledar, 1 unit alat pemadam api, 1 unit segitiga keselamatan, pintu kecemasan, lima (5) buah kon keselamatan dengan bahan pemantul cahaya, 1 unit jaket keselamatan, pita keselamatan dengan bahan pemantul cahaya, 1 unit lampu suluh, alat pemotong tali pinggang dan 1 unit peti keselamatan pertolongan cemas.

**5.4.3** Contoh aktiviti pejabat dan aktiviti dalam perjalanan yang perlu dikawal selia oleh Pengendali dari aspek-aspek keselamatan:

- (a) pengurusan keselamatan di depoh dan bengkel;
- (b) kawalan aspek keselamatan ketika menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan dan membaik pulih kenderaan;
- (c) kawalan risiko dalam perjalanan;
- (d) panduan keselamatan bagi penggunaan peralatan dan jentera berat semasa kerja-kerja membuka, memasang dan membaik pulih kenderaan; dan
- (e) kawalan keselamatan bagi aktiviti mengangkat dan memunggah barang muatan.

**BUKU PANDUAN DAN KOD AMALAN INDUSTRI S.P.A.D. -**  
**KESELAMATAN UNTUK PENGENDALI BERLESEN PERKHIDMATAN KENDERAAN BARANGAN**

- 5.4.4 Contoh risiko yang perlu diawasi oleh Pengendali dan SHO atau SHS terhadap pemandu kendaraan barang termasuklah tetapi tidak terhad kepada perkara berikut:
- (a) meletakkan kendaraan di kawasan larangan;
  - (b) melebihi had muatan yang dibenarkan;
  - (c) membawa muatan secara tidak selamat;
  - (d) melanggar had kelajuan;
  - (e) menggunakan telefon bimbit semasa memandu;
  - (f) merokok dalam perjalanan;
  - (g) memandu dalam keadaan mengantuk dan keletihan;
  - (h) memandu secara berbahaya;
  - (i) tidak memakai tali pinggang keledar;
  - (j) keadaan brek;
  - (k) keadaan tayar;
  - (l) keadaan lampu kendaraan; dan
  - (m) keadaan stereng.
- 5.4.5 Contoh risiko di tempat kerja yang perlu dipantau oleh Pengendali ialah pelanggaran peraturan keselamatan ketika menjalankan kerja-kerja membaik pulih kenderaan yang berkaitan dengan perkara yang berikut:
- (a) gas mudah terbakar;
  - (b) aktiviti kimpalan;
  - (c) aktiviti mengangkat dan menurunkan barang dan muatan;
  - (d) penggunaan kelengkapan elektrik mudah alih; dan
  - (e) penggunaan bahan kimia.
- 5.4.6 Peraturan mengenai HIRARC hendaklah didokumenkan dan disemak oleh pihak Pengendali dan dibentangkan untuk dipersetujui oleh mesyuarat Jawatankuasa SHE bagi mendapatkan sokongan setiap peringkat organisasi.
- 5.4.7 Program HIRARC organisasi perlu dikemas kini sekurang-kurangnya sekali dalam setahun.
- 5.4.8 Bagi pengendalian bahan kimia oleh pekerja, Pengendali hendaklah menjalankan penaksiran risiko terhadap kesihatan pekerja seperti yang tertakluk di bawah Peraturan-peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Penggunaan dan Standard Pendedahan Bahan Kimia Berbahaya Kepada Kesihatan) 2000.

**BUKU PANDUAN DAN KOD AMALAN INDUSTRI S.P.A.D. -**  
**KESELAMATAN UNTUK PENGENDALI BERLESEN PERKHIDMATAN KENDERAAN BARANGAN**



*Rajah 7: Muatan Melebihi BDM yang Dibenarkan dan Tidak Diikat Dengan Selamat (overloading and rear overhang)*

- 5.4.9 Kawalan risiko sebelum perjalanan hendaklah meliputi perkara yang berikut:
- (a) semakan oleh penyelia mengenai pematuhan kepada had muatan (BDM) yang dibenarkan (Rajah 7); dan



*Rajah 8: Contoh Lori yang Membawa Muatan Secara Berbahaya (rear overhang and overloading)*

**BUKU PANDUAN DAN KOD AMALAN INDUSTRI S.P.A.D. -**  
**KESELAMATAN UNTUK PENGENDALI BERLESEN PERKHIDMATAN KENDERAAN BARANGAN**

- (b) pemantauan oleh penyelia untuk mengesahkan bahawa muatan yang dibawa dalam keadaan selamat.




*Rajah 9: Pembawaan Muatan Kayu Secara Berbahaya (rear overhang)*



*Rajah 10: Pembawaan muatan secara berbahaya*


## **MEMOTONG SECARA BAHAYA**



*Rajah 11: Memotong secara berbahaya*

**BUKU PANDUAN DAN KOD AMALAN INDUSTRI S.P.A.D. -**  
**KESELAMATAN UNTUK PENGENDALI BERLESEN PERKHIDMATAN KENDERAAN BARANGAN**

**CONTOH LOKASI BERISIKO TINGGI**



Rajah 12: Kawasan yang berisiko

**KEPEKAAN TERHADAP TINGKAH LAKU PEMANDU LAIN**



Rajah 13: Kepekaan pemandu terhadap pengguna jalan raya yang lain

**Kemudahan RnR bagi Perjalanan Jauh**

5.4.10 Bagi perjalanan yang jauh, kemudahan RnR penting bagi memastikan pemandu dapat berehat secukupnya bagi mengekalkan tahap kecergasan untuk memandu sepanjang perjalanan, serta untuk melakukan pemeriksaan asas keadaan tayar kenderaan.

**Pemantauan Perjalanan Melalui GPS oleh Pusat Kawalan Operasi Perjalanan (berkaitan dengan Kod 14)**

5.4.11 Pemantauan perjalanan oleh pusat kawalan operasi perjalanan sangat penting bertujuan memantau setiap perjalanan dari aspek keselamatan perjalanan dan pelanggaran peraturan trafik. Buku log kenderaan hendaklah diisi dengan lengkap dan rekod GPS hendaklah dimuat turun selepas setiap perjalanan untuk tujuan pemeriksaan dan pemantauan oleh SHO atau SHS, Pengendalidan agensi penguatkuasa.

**Pelan Tindakan Kecemasan (berkaitan dengan Kod 22)**

5.4.12 Pelan Tindakan Kecemasan sangat kritikal sebagai garis panduan untuk menangani sebarang insiden yang tidak diingini. Perkara yang perlu diambil kira oleh Pengendali dalam merangka Pelan Tindakan Kecemasan adalah seperti yang berikut:

- (a) mengenal pasti keadaan yang berpotensi membawa kepada kecemasan seperti kemalangan/insiden, tumpahan minyak di laluan, pembocoran gas beracun, kebakaran, banjir, kejadian tanah runtuh;
- (b) peraturan mengosongkan bangunan dan kenderaan dengan selamat (*safe evacuation procedure*);
- (c) penentuan tempat berkumpul untuk pekerja bagi (insiden di pejabat) atau SOP penubuhan kawasan rawatan sementara di tempat kejadian (bagi kemalangan/insiden dalam perjalanan);
- (d) peraturan menyelamatkan penumpang dan pekerja yang terperangkap di pejabat atau di dalam kenderaan;
- (e) pertolongan cemas bagi mangsa yang mengalami kecederaan di tempat kejadian; dan
- (f) prosedur menghubungi pihak berwajib termasuk pihak Polis, pihak BOMBA, pihak hospital, S.P.A.D. (dalam masa 2 jam selepas kemalangan/insiden), pemegang konsesi lebuhraya dan pihak berkuasa jalan persekutuan dan negeri.

**Pengalihan kenderaan barang yang rosak dan tersadai di jalan raya**

5.4.13 Kenderaan yang rosak dalam perjalanan hendaklah di letak di tempat yang selamat untuk mengelakkan pelanggaran. Jika kenderaan yang rosak perlu di letak di laluan kecemasan atau di sebelah kiri jalan kerana tidak ada pilihan lokasi yang lebih selamat prosedur keselamatan seperti berikut hendaklah diamalkan:

- (a) nyalakan lampu kecemasan (*hazard light*) ketika matikan enjin (selepas meletak kenderaan di laluan paling kiri seboleh-bolehnya di bahu jalan);
- (b) buat panggilan dan mohon bantuan kecemasan;

**BUKU PANDUAN DAN KOD AMALAN INDUSTRI S.P.A.D. -**  
**KESELAMATAN UNTUK PENGENDALI BERLESEN PERKHIDMATAN KENDERAAN BARANGAN**

- (c) pakai jaket keselamatan sebelum keluar daripada kenderaan;
- (d) gunakan lampu suluh;
- (e) susun kon keselamatan dengan jarak 10 meter antara kon;
- (f) letakkan segi tiga keselamatan di jarak 50 meter daripada belakang kenderaan;
- (g) hubungkan ruang di antara kon keselamatan dengan rentetan delineator reflektif (*reflective string delineators*);
- (h) berdiri di belakang penghadang jalan dan gunakan lampu suluh sebagai tanda amaran pada kenderaan yang bergerak di kawasan tersebut; dan
- (i) mengalihkan kenderaan ke kawasan selamat termasuklah tetapi tidak terhad kepada RnR, bengkel atau depoh terdekat dalam tempoh segera (**tidak melebihi 2 jam**) dengan bantuan pihak berwajib berkenaan termasuk BOMBA, peronda jalan raya, trak tunda atau badan bantuan kecemasan sukarelawan lain di lokasi kejadian.

**Laporan dan Penyiasatan Kemalangan/Insiden  
(berkaitan dengan Kod 23)**

- 5.4.14 Pengendali hendaklah melaporkan kemalangan/insiden semasa operasi kenderaan kepada pihak yang berkenaan seperti S.P.A.D., PDRM, JKKP pihak media, syarikat insurans serta ahli-ahli keluarga mangsa yang terlibat dalam kemalangan/insiden dengan serta-merta tidak lebih dari 12 jam selepas kemalangan/insiden dengan segera. Ahli keluarga mangsa kemalangan/insiden hendaklah juga dimaklumkan tentang kejadian dan kedudukan terkini dengan segera.
- 5.4.15 Pengendali hendaklah melaksanakan langkah penambahbaikan dengan segera berdasarkan kelemahan yang dikesan melalui siasatan dalaman dan siasatan oleh S.P.A.D., PDRM, JKKP dan agensi lain yang berkenaan.

### **5.5 S.P.A.D. ICOP - KESELAMATAN (PENGURUSAN REKOD)**

- 5.5.1 Pengendali hendaklah memastikan semua data dan rekod berkaitan keselamatan dan kesihatan pekerjaan disimpan, dijaga dan diurus dengan baik sebagai sumber rujukan dan semakan oleh pihak audit sebagai asas penambahbaikan.



*Rajah 14: Pengurusan Rekod yang Baik*

#### **Pemantauan Audit Dalaman (berkaitan dengan Kod 19)**

- 5.5.2 Garis panduan audit yang telah disediakan oleh S.P.A.D. disertakan bersama dengan buku panduan ini sebagai **Lampiran C**. Program audit dalaman hendaklah memberikan fokus kepada kemajuan yang dicapai untuk menyemai nilai-nilai murni di setiap peringkat organisasi berdasarkan lima (5) komponen kritikal S.P.A.D. ICOP - Keselamatan iaitu pengurusan dan pemantauan perlaksanaan SHE, pengurusan pemandu, pengurusan kenderaan, pengurusan risiko perjalanan dan pengurusan sistem rekod.
- 5.5.3 Skop audit dalaman adalah untuk menentukan samaada program keselamatan yang dilaksanakan oleh syarikat bagi menjaga keselamatan pekerja, dan mencegah berlakunya kemalangan jalan raya dan insiden lain menepati amalan terbaik dan peraturan-peraturan di bawah S.P.A.D. ICOP - Keselamatan.

#### **Hasil Penemuan Audit Dalaman (berkaitan dengan Kod 19)**

- 5.5.4 Penemuan-penemuan audit dalaman hendaklah dibentangkan oleh pihak pengurusan untuk pertimbangan oleh Jawatankuasa SHE sebagai asas untuk melaksanakan langkah pembetulan dan penambahbaikan.

**BUKU PANDUAN DAN KOD AMALAN INDUSTRI S.P.A.D. -**  
**KESELAMATAN UNTUK PENGENDALI BERLESEN PERKHIDMATAN KENDERAAN BARANGAN**

- 5.5.5 Langkah-langkah penambahbaikan hendaklah mengambil kira perkara-perkara berikut:
- (a) kemajuan perlaksanaan dasar SHE;
  - (b) pembentangan isu-isu keselamatan kepada mesyuarat bulanan jawatankuasa SHE;
  - (c) penglibatan pekerja dalam agenda SHE di setiap peringkat organisasi;
  - (d) pematuhan kepada prosedur SHE;
  - (e) penaksiran dan kawalan risiko;
  - (f) siasatan terhadap kemalangan dan insiden yang berlaku;
  - (g) langkah penambahbaikan berdasarkan keputusan audit dan jawatankuasa SHE; dan
  - (h) kemajuan pelaksanaan amalan S.P.A.D. ICOP - Keselamatan.

**6.0 KESIMPULAN**

- 6.1 Kod Amalan Industri S.P.A.D. - Keselamatan ini hendaklah dipatuhi kerana ianya merupakan sebahagian daripada syarat lesen pengendali kenderaan barang. Oleh yang demikian, Pengendali yang gagal mematuhi mana-mana panduan keselamatan di bawah S.P.A.D. ICOP - Keselamatan Kenderaan Barang ini boleh dikenakan tindakan seperti yang diperuntukkan di bawah Akta Pengangkutan Awam Darat 2010 kerana gagal mematuhi syarat lesen pengendali perkhidmatan kenderaan barang yang telah ditetapkan.

**BUKU PANDUAN DAN KOD AMALAN INDUSTRI S.P.A.D. -**  
**KESELAMATAN UNTUK PENGENDALI BERLESEN PERKHIDMATAN KENDERAAN BARANGAN**



**PEKELILING  
SURUHANJAYA PENGANGKUTAN AWAM DARAT  
BIL. 11 TAHUN 2013**

---

**PELAKSANAAN KOD AMALAN INDUSTRI S.P.A.D.  
- KESELAMATAN UNTUK PENGENDALI BERLESEN  
PERKHIDMATAN KENDERAAN BARANGAN**

**SURUHANJAYA PENGANGKUTAN AWAM DARAT**

**TARIKH: 31 OKTOBER 2013**

**PELAKSANAAN KOD AMALAN INDUSTRI S.P.A.D.**

**- KESELAMATAN UNTUK PENGENDALI BERLESEN  
PERKHIDMATAN KENDERAAN BARANGAN**

**1. TUJUAN**

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan semua pengendali berlesen perkhidmatan kenderaan barang berhubung Pelaksanaan Kod Amalan Industri (ICOP) S.P.A.D. Keselamatan ("SPAD ICOP - Keselamatan").

**2. LATAR BELAKANG**

- 2.1 Sejajar dengan aspirasi Kerajaan untuk memberikan perkhidmatan pengangkutan awam darat yang selamat, boleh diharap, responsif, mudah diakses, cekap, terancang, bersepadu dan mapan, Suruhanjaya Pengangkutan Awam darat ("S.P.A.D.") diberi mandat untuk mengawalselia serta memantau prestasi perkhidmatan yang diberikan oleh semua pengendali berlesen dan pemegang lesen perkhidmatan pengangkutan awam darat.

**BUKU PANDUAN DAN KOD AMALAN INDUSTRI S.P.A.D. -**  
**KESELAMATAN UNTUK PENGENDALI BERLESEN PERKHIDMATAN KENDERAAN BARANGAN**

- 2.2 Antara langkah yang telah diambil oleh S.P.A.D. untuk memastikan sistem pengangkutan awam darat di negara ini menepati piawaian keselamatan berdasarkan amalan terbaik ialah memperkenalkan S.P.A.D. ICOP - Keselamatan.

### **3. PERKARA YANG HENDAK DIMAKLUMKAN**

- 3.1 Di bawah seksyen 57 Akta Pengangkutan Awam Darat 2010 (Akta 715) (“APAD”), S.P.A.D. ICOP - Keselamatan ini dijadikan syarat am lesen pengendali kenderaan barang seperti berikut:

**“Pemegang lesen pengendali hendaklah mematuhi Kod Amalan Industri S.P.A.D. - Keselamatan.”**

- 3.2 Pekeliling ini hendaklah dibaca bersama setiap lesen pengendali kenderaan barang.
- 3.4 Bagi pengendali yang melanggar peraturan keselamatan di bawah S.P.A.D. ICOP - Keselamatan yang telah dinyatakan sebagai syarat lesen pengendali, tindakan boleh diambil di bawah Seksyen 57(3) APAD di mana apabila disabitkan kesalahan, pengendali berlesen boleh didenda tidak kurang daripada satu ribu ringgit tetapi tidak lebih daripada lima ratus ribu ringgit atau depenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya. Tindakan juga boleh diambil di

**BUKU PANDUAN DAN KOD AMALAN INDUSTRI S.P.A.D. -**  
**KESELAMATAN UNTUK PENGENDALI BERLESEN PERKHIDMATAN KENDERAAN BARANGAN**

bawah seksyen 62 APAD iaitu untuk membatalkan atau menggantung lesen pengendali tersebut.

- 3.5 Buku panduan mengenai S.P.A.D. ICOP - Keselamatan dilampirkan sebagai garis panduan. Buku panduan ini hendaklah digunakan sebagai dokumen rujukan oleh setiap pengendali berlesen perkhidmatan kenderaan barang. Buku panduan ini akan dikemaskini dengan penerbitan buku panduan versi baru dari semasa ke semasa.

#### **4. PEMAKAIAN**

S.P.A.D. ICOP - Keselamatan ini terpakai kepada semua pengendali berlesen perkhidmatan kenderaan barangan.

#### **5. TARIKH KUATKUASA**

Pekeling ini berkuat kuasa mulai **1 NOVEMBER 2013**.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

  
(MOHD NUR ISMAL BIN MOHAMED KAMAL)

Ketua Pegawai Esekutif  
Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat

**BUKU PANDUAN DAN KOD AMALAN INDUSTRI S.P.A.D. -**  
**KESELAMATAN UNTUK PENGENDALI BERLESEN PERKHIDMATAN KENDERAAN BARANGAN**

**LAMPIRAN A1 (Senarai Semakan Bulanan oleh Pengendali dan SHO atau SHS)**

<b>SENARAI SEMAKAN BULANAN</b>			
<b>A</b>	<b>PROSEDUR PENGAMBILAN PEMANDU</b>	YA (✓)	TIDAK (X)
	<ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Rekod Pemandu</li> <li>➤ Penilaian tahap kecekapan pemandu</li> <li>➤ Pemeriksaan kesihatan</li> </ul>		
<b>B</b>	<b>KATEGORI PEMANDU</b>	YA (✓)	TIDAK (X)
	<ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Sistem kad pemandu (sistem KEJARA)</li> <li>➤ Kategori pemandu (klasifikasi lesen)</li> </ul>		
<b>C</b>	<b>LATIHAN</b>	YA (✓)	TIDAK (X)
	<ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Tindak balas kecemasan</li> <li>➤ Pemanduan berhemat</li> <li>➤ Latihan pengurusan kenderaan</li> <li>➤ Pertolongan kecemasan</li> </ul>		
<b>D</b>	<b>FAKTOR MERIT DAN DEMERIT</b>	YA (✓)	TIDAK (X)
	<ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Ganjaran</li> <li>➤ Penghargaan (contoh: sijil, majlis makan)</li> <li>➤ Peningkatan prestasi pekerjaan (latihan dan kenaikan pangkat)</li> <li>➤ Insentif (contoh: bonus, percutian keluarga)</li> <li>➤ Tindakan disiplin</li> </ul>		
<b>E</b>	<b>PERALATAN DAN DOKUMENTASI</b>	YA (✓)	TIDAK (X)
	<ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Permit</li> <li>➤ Cukai Jalan</li> <li>➤ GPS (<i>berfungsi berupaya untuk merekod dan menyimpan profil kelajuan</i>)</li> <li>➤ Peralatan gantian tayar</li> <li>➤ Peti keselamatan pertolongan cemas</li> <li>➤ Segi tiga keselamatan</li> <li>➤ Alat pemadam api</li> <li>➤ Tayar gantian</li> <li>➤ Kon keselamatan</li> <li>➤ Lampu suluh</li> <li>➤ Rentetan delineator reflektif “<i>reflective string delineators</i>” (menepati piawaian MS 1216)</li> </ul>		

**BUKU PANDUAN DAN KOD AMALAN INDUSTRI S.P.A.D. -**  
**KESELAMATAN UNTUK PENGENDALI BERLESEN PERKHIDMATAN KENDERAAN BARANGAN**

F	KEADAAN ENJIN DAN KOMPONEN KRITIKAL YANG LAIN	YA (✓)	TIDAK (X)
	<ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Asap hitam/putih yang keterlaluan</li> <li>➤ Keadaan enjin</li> <li>➤ Peralatan hawa dingin dalam keadaan baik</li> <li>➤ Pengelap cermin dalam keadaan baik</li> <li>➤ Lampu kecemasan dalam keadaan baik</li> </ul>		
G	<b>PENGESAHAN OLEH PENGENDALI DAN SHO ATAU SHS</b>		
	<p>Saya dengan ini mengesahkan bahawa pemeriksaan seperti dalam senarai semak telah dibuat oleh saya. Semua maklumat yang terdapat dalam senarai semak adalah benar.</p> <p>Tarikh: _____ Masa: _____  Disemak oleh SHO atau SHS : _____  Disahkan oleh Pengendali : _____</p>		

**BUKU PANDUAN DAN KOD AMALAN INDUSTRI S.P.A.D. -**  
**KESELAMATAN UNTUK PENGENDALI BERLESEN PERKHIDMATAN KENDERAAN BARANGAN**

**LAMPIRAN A2 (Senarai Semakan Harian Pemandu oleh SHO atau SHS (sebelum perjalanan dimulakan))**

<b>SENARAI SEMAKAN HARIAN PEMANDU</b>			
A	SYARAT-SYARAT UMUM	YA (✓)	TIDAK (X)
	<ul style="list-style-type: none"> <li>➢ Pakaian seragam</li> <li>➢ Penyalahgunaan dadah/ubat</li> <li>➢ Pemeriksaan kesediaan pemandu</li> <li>➢ Kehadiran awal untuk menjalankan tugas</li> <li>➢ Pemeriksaan sampel darah dan kencing secara rambang</li> </ul>		
B	PEMATUHAN KEPADA HAD WAKTU PEMANDUAN DAN BEKERJA	YA (✓)	TIDAK (X)
	<ul style="list-style-type: none"> <li>➢ Pemanduan maksimum tanpa berhenti - 4 jam</li> <li>➢ Jumlah masa pemanduan sehari - 8 jam (maksimum)</li> <li>➢ Jumlah waktu bekerja sehari - 10 jam (maksimum)</li> <li>➢ Waktu rehat (30 minit) setiap 4 jam pemanduan</li> <li>➢ Jumlah waktu bekerja dalam seminggu - 6 hari</li> <li>➢ Sehari cuti selepas 6 hari bekerja</li> </ul>		
C	PENUKARAN PEMANDU	YA (✓)	TIDAK (X)
	<ul style="list-style-type: none"> <li>➢ Ruang tidur khas disediakan sekiranya pemandu kedua berehat di dalam kenderaan? ATAU</li> <li>➢ Rancangan perjalanan (<i>journey plan</i>) disertakan untuk giliran pemandu kedua sekiranya pemandu kedua mengambil alih pemanduan di lokasi tertentu?</li> </ul>		
D	PENGESAHAN OLEH SHO ATAU SHS DAN PEMANDU SEBELUM PERJALANAN		
	<p>Saya dengan ini mengesahkan bahawa pemeriksaan seperti dalam senarai semak telah dibuat oleh saya. Semua maklumat yang terdapat dalam senarai semak adalah benar.</p> <p>Tarikh: _____ Masa: _____  Disemak oleh Pemandu: _____  Disahkan oleh SHO atau SHS: _____</p>		

**BUKU PANDUAN DAN KOD AMALAN INDUSTRI S.P.A.D. -**  
**KESELAMATAN UNTUK PENGENDALI BERLESEN PERKHIDMATAN KENDERAAN BARANGAN**

**LAMPIRAN B (Senarai Semakan Harian Kenderaan oleh SHO atau SHS dan Pemandu (sebelum dan selepas perjalanan))**

<b>SENARAI SEMAKAN HARIAN KENDERAAN</b>			
		Sebelum Perjalanan	Selepas Perjalanan
<b>A</b>	<b>METER</b>	KM	KM
	➤ Pembacaan meter (sebelum dan selepas perjalanan)		
<b>B</b>	<b>PENYELENGGARAAN HARIAN</b>	YA (✓)	TIDAK (X)
	➤ Keadaan tayar ➤ Tekanan angin tayar ➤ Pemeriksaan lampu dan lampu isyarat ➤ Brek dan sistem brek dalam keadaan baik		
<b>C</b>	<b>PERALATAN KESELAMATAN</b>	YA (✓)	TIDAK (X)
	➤ 1 unit lampu suluh. ➤ 1 unit segitiga keselamatan (menepati piawaian MS 2294:2010). ➤ 1 unit kotak peti kecemasan. ➤ 5 unit kon keselamatan (menepati piawaian MS 1216). ➤ Rentetan delineator reflektif “reflective string delineators” (menepati piawaian MS 1216). ➤ 1 unit pemanas api 9kg (menepati piawaian MS 1539:Part 1:2002). ➤ 1 unit jaket keselamatan (menepati piawaian MS 1731:2004 Class 2).		
<b>D</b>	<b>SEMAKAN KESELAMATAN BAGI MUATAN YANG DIBAWA</b>	YA (✓)	TIDAK (X)
	➤ Adakah muatan dibawa secara selamat mengikut BDM yang dibenarkan		
<b>E</b>	<b>PENGESAHAN OLEH SHO ATAU SHS DAN PEMANDU SEBELUM PERJALANAN</b>		
	Saya dengan ini mengesahkan bahawa pemeriksaan seperti dalam senarai semak telah dibuat oleh saya. Semua maklumat yang terdapat dalam senarai semak adalah benar.		
	Tarikh: _____ Masa: _____		
	Disemak oleh Pemandu: _____		
	Disahkan oleh SHO atau SHS: _____		

**BUKU PANDUAN DAN KOD AMALAN INDUSTRI S.P.A.D. -**  
**KESELAMATAN UNTUK PENGENDALI BERLESEN PERKHIDMATAN KENDERAAN BARANGAN**

**LAMPIRAN C (Panduan Audit Dalaman (setiap 6 bulan)/Luaran S.P.A.D. ICOP - Keselamatan Kenderaan Barang)**

KEPERLUAN DI BAWAH S.P.A.D. ICOP - KESELAMATAN KENDERAAN BARANGAN		
TANGGUNGJAWAB PENGENDALI	YA (✓)	TIDAK (X)
<ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Sudahkah S.P.A.D. ICOP- Keselamatan dilaksanakan?</li> <li>➤ Sudahkah syarikat anda menggubal dasar keselamatan?</li> <li>➤ Adakah dasar keselamatan syarikat dipamerkan di tempat yang strategik?</li> <li>➤ Sudahkah Jawatankuasa SHE ditubuhkan?</li> <li>➤ Adakah ketua bahagian dan wakil setiap bahagian dilantik sebagai ahli jawatankuasa SHE?</li> <li>➤ Adakah Jawatankuasa SHE mengadakan mesyuarat setiap bulan dan dipengerusikan oleh Pengendali?</li> <li>➤ Adakah syarikat mempunyai SHO atau SHS?</li> <li>➤ Adakah sistem merit/demerit untuk pemandu dilaksanakan?</li> <li>➤ Adakah perancangan dan keperluan bagi latihan pemanduan dan program pembinaan kapasiti pemandu syarikat diamalkan?</li> <li>➤ Adakah SOP mengenai Pelan Tindakan Kecemasan (ERP) dirangka dan dipatuhi?</li> <li>➤ Adakah program latihan dalaman bagi S.P.A.D. ICOP- Keselamatan dijalankan?</li> <li>➤ Adakah Pengendali memimpin pelaksanaan agenda SHE?</li> <li>➤ Adakah Pengendali memantau pelaksanaan program-program keselamatan seperti yang berikut: <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Penyelenggaraan kenderaan syarikat</li> <li>▪ Rekod pemandu/rekod saman/rekod KEJARA</li> <li>▪ Rekod audit dalaman/luaran dan tindakan susulan</li> <li>▪ Pemantauan had maksimum waktu memandu</li> <li>▪ SOP dan garis panduan yang jelas untuk pemandu kedua</li> <li>▪ Adakah rekod lengkap kemalangan/insiden disimpan dan dipantau oleh Pengendali?</li> <li>▪ Adakah Pelan Tindakan Kecemasan (ERP) disediakan dan dipatuhi?</li> <li>▪ Adakah pelan dan modul latihan pemandu dirangka dan dilaksanakan dengan sempurna?</li> <li>▪ Adakah setiap kenderaan dilengkapkan dengan peralatan keselamatan?</li> <li>▪ Adakah setiap kenderaan dilengkapkan dengan GPS?</li> </ul> </li> <li>➤ Adakah Pengendali mesra kepada pelanggan dan prihatin terhadap keperluan pengguna seperti yang berikut: <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Bolehkah pengguna jalanraya membuat laporan melalui talian bebas tol atau talian khusus yang dipantau dengan rapi?</li> <li>▪ Adakah rekod yang lengkap disimpan bagi setiap aduan?</li> <li>▪ Adakah kemajuan penyelesaian aduan dipantau?</li> <li>▪ Adakah pusat kawalan operasi perjalanan ditubuhkan bagi memantau tingkah laku pemandu dalam perjalanan dengan menggunakan GPS?</li> </ul> </li> </ul>		

**BUKU PANDUAN DAN KOD AMALAN INDUSTRI S.P.A.D. -**  
**KESELAMATAN UNTUK PENGENDALI BERLESEN PERKHIDMATAN KENDERAAN BARANGAN**

PENGURUSAN PEMANDU	YA (✓)	TIDAK (X)
<ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Adakah pemantauan dibuat mengenai prestasi, kelayakan, klasifikasi dan kategori pemandu?</li> <li>➤ Adakah SOP/manual pengambilan pemandu disediakan?</li> <li>➤ Adakah semakan dibuat dengan rekod pengkalan data S.P.A.D., PDRM dan JPJ sebelum seseorang dilantik sebagai pemandu?</li> <li>➤ Adakah perancangan dan keperluan latihan diutamakan dan program latihan lengkap disediakan?</li> <li>➤ Adakah pemeriksaan keselamatan terhadap pemandu dilakukan sebelum perjalanan (Lampiran A2)?</li> <li>➤ Adakah perintah had maksimum untuk memandu tidak lebih daripada 8 jam dan waktu bekerja selama 10 jam dipatuhi dan dikuatkuasakan oleh Pengendali terhadap semua pemandu?</li> <li>➤ Adakah waktu rehat untuk tempoh sehari pada setiap minggu bekerja dipatuhi?</li> <li>➤ Adakah pemandu syarikat prihatin terhadap isu-isu keselamatan semasa dalam perjalanan?</li> <li>➤ Adakah sistem penggiliran pemandu dirancang dan dipraktikkan dengan teratur berdasarkan rancangan perjalanan “<i>Journey Plan</i>”?</li> <li>➤ Adakah peraturan-peraturan keselamatan dan perundungan dipatuhi?</li> <li>➤ Adakah prestasi pemandu dikawal dan dipantau dengan rapi mengenai aspek yang berikut: <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Adakah pemandu patuh kepada had laju jalan dan kenderaan?</li> <li>▪ Apakah pemandu patuh kepada peraturan jarak keselamatan?</li> <li>▪ Adakah pemandu mengamalkan peraturan memotong dengan selamat?</li> <li>▪ Adakah pemandu memandu di lorong kiri, kecuali ketika memotong?</li> <li>▪ Adakah pemandu dilarang menggunakan telefon bimbit kecuali dengan peralatan bebas tangan?</li> <li>▪ Adakah pemandu dilarang merokok dalam perjalanan?</li> <li>▪ Adakah sistem giliran dan gantian pemandu dilaksanakan bagi mematuhi had maksimum waktu memandu dan bekerja?</li> <li>▪ Adakah keperluan dari masa rehat sehari dalam setiap minggu dipatuhi?</li> <li>▪ Adakah kebijakan pemandu dan keluarga pemandu diutamakan?</li> </ul> </li> </ul>		
PENGURUSAN KENDERAAN	YA (✓)	TIDAK (X)
<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Adakah kegunaan kenderaan dipantau dengan rapi oleh SHO atau SHS dan Pengendali?</li> <li>▪ Adakah semua kenderaan mematuhi had usia yang telah ditetapkan oleh S.P.A.D.?</li> <li>▪ Adakah perancangan teliti dibuat untuk membeli, membaharu dan melupuskan kenderaan syarikat?</li> <li>▪ Adakah laporan harian dan rekod kemalangan/insiden kenderaan disimpan dengan rapi?</li> <li>▪ Adakah penyelenggaraan kenderaan dilakukan berdasarkan Manual Penyelenggaraan Kenderaan dan SOP penyelenggaraan kenderaan?</li> </ul>		

**BUKU PANDUAN DAN KOD AMALAN INDUSTRI S.P.A.D. -**  
**KESELAMATAN UNTUK PENGENDALI BERLESEN PERKHIDMATAN KENDERAAN BARANGAN**

<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Adakah pengendalian dan pemantauan rekod kenderaan diawasi dengan rapi?</li> <li>▪ Adakah semakan berkala kesalahan trafik dibuat dengan rekod pengkalan data S.P.A.D., PDRM, JPJ dan PBT?</li> <li>▪ Adakah SHO atau SHS menjalankan pemeriksaaan kenderaan sebelum dan selepas perjalanan untuk setiap perjalanan (Lampiran B)?</li> <li>▪ Adakah kenderaan dihantar ke PUSPAKOM untuk pemeriksaan berkala setiap 6 (enam) bulan (untuk kenderaan lama) dan setiap tahun (untuk kenderaan baru sehingga usia dua tahun)?</li> <li>▪ Adakah setiap kenderaan dilengkapi dengan peralatan keselamatan yang berikut: <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ 1 unit lampu suluh;</li> <li>▪ 1 unit segitiga keselamatan (menepati piawaian MS 2294:2010);</li> <li>▪ 1 unit kotak peti kecemasan;</li> <li>▪ 5 unit kon keselamatan (menepati piawaian MS 1216);</li> <li>▪ Rentetan delineator reflektif “<i>reflective string delineators</i>” (menepati piawaian MS 1216);</li> </ul> </li> <li>▪ 1 unit pemadan api 9kg (menepati piawaian MS 1539:Part 1:2002) dan belum melepassi tarikh tamat tempoh “<i>expiration date</i>”; dan</li> <li>▪ 1 unit jaket keselamatan (menepati piawaian MS 1731:2004 Class 2).</li> <li>▪ Adakah produk keselamatan tambahan dipasang dalam kenderaan seperti yang berikut: <ul style="list-style-type: none"> <li>○ Brek halangan (<i>brake retarder</i>).</li> <li>○ GPS</li> <li>○ ABS</li> <li>○ Tali pinggang keselamatan.</li> <li>○ Sistem perlindungan tayar.</li> </ul> </li> <li>▪ Adakah Pengendali mengutamakan pemasangan produk di atas sebagai petanda komitmen dan keprihatinan mereka terhadap aspek-aspek keselamatan?</li> <li>▪ Adakah perancangan dan pilihan perjalanan mengambil kira faktor persekitaran jalan, kategori jalan, serta rintangan yang meningkatkan risiko perjalanan seperti kawasan berbukit, jalan licin dan lain-lain?</li> <li>▪ Adakah GPS digunakan untuk memantau keselamatan setiap perjalanan?</li> <li>▪ Adakah pusat kawalan ditubuhkan bagi mengawal dan memantau setiap perjalanan kenderaan serta menerima dan merekod aduan daripada talian hotline?</li> <li>▪ Adakah rekod GPS serta rekod aduan pelanggan digunakan sebagai bukti untuk menyelia tingkah laku pemandu dalam perjalanan?</li> </ul>		
<b>PENGURUSAN REKOD</b>	<b>YA (✓)</b>	<b>TIDAK (X)</b>
<ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Rekod pemandu yang wajib disimpan adalah seperti yang berikut: <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Pengambilan pekerja</li> <li>▪ Rekod cuti</li> <li>▪ Tempoh pemanduan/waktu kerja/waktu rehat</li> <li>▪ Rekod giliran pemandu berdasarkan rancangan perjalanan “<i>Journey Plan</i>”</li> </ul> </li> </ul>		

**BUKU PANDUAN DAN KOD AMALAN INDUSTRI S.P.A.D. -**  
**KESELAMATAN UNTUK PENGENDALI BERLESEN PERKHIDMATAN KENDERAAN BARANGAN**

<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Rekod pemandu gantian bagi mereka yang tidak sihat atau mengambil cuti kecemasan</li> <li>▪ Rekod kesalahan trafik/saman</li> <li>▪ Rekod kemalangan/insiden</li> <li>▪ Rekod tindakan disiplin</li> </ul> <p>➤ Rekod-kenderaan yang wajib disimpan adalah seperti yang berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Pembelian kenderaan</li> <li>▪ Penyelenggaraan kenderaan</li> <li>▪ Kegunaan kenderaan</li> <li>▪ Pemeriksaan kenderaan</li> <li>▪ Rekod pengubahsuaian kenderaan</li> <li>▪ Peralatan keselamatan</li> <li>▪ Rekod kemalangan/insiden</li> <li>▪ Rekod kerosakan kenderaan</li> </ul> <p>➤ Adakah rekod mesyuarat jawatankuasa SHE disimpan dan diedarkan kepada setiap ahli jawatankuasa?</p> <p>➤ Adakah rekod buku log dikemas kini dan dilengkapi untuk setiap perjalanan?</p> <p>➤ Adakah rekod untuk audit dalaman (Lampiran C) bagi setiap 6 bulan diadakan dan rekod audit luaran disimpan secara lengkap dan dikemaskini untuk tindakan penambahbaikan?</p>		
<b>PENGURUSAN RISIKO</b>	<b>YA (✓)</b>	<b>TIDAK (X)</b>
<p>➤ Adakah polisi insurans melindungi risiko perjalanan dan pampasan yang munasabah bagi:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Kenderaan</li> <li>▪ Pemandu</li> <li>▪ Penumpang</li> </ul> <p>➤ Adakah agenda keselamatan dijadikan nilai murni dan amalan harian di setiap peringkat organisasi?</p> <p>➤ Adakah rekod aduan pemandu disimpan dengan baik dan dipantau oleh SHO atau SHS dan Pengendali?</p> <p>➤ Adakah program latihan dan peningkatan kecekapan pemandu merupakan teras organisasi yang utama?</p> <p>➤ Adakah SOP disediakan untuk pengurusan kecemasan dan kemalangan dari aspek yang berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Pengurusan kemalangan/insiden</li> <li>▪ ERP (Pelan Tindakan Kecemasan)</li> </ul> <p>➤ Adakah perancangan yang selamat bagi setiap perjalanan dijadikan amalan harian oleh penyelia, pemandu dan pihak pengurusan?</p> <p>➤ Adakah syarikat menyediakan talian hotline 24 jam syarikat pada kenderaan untuk tujuan aduan?</p> <p>➤ Adakah keperluan melaporkan kemalangan/insiden kepada talian hotline S.P.A.D. 1800-88-7723(SPAD) dalam tempoh 2 jam diamalkan?</p> <p>➤ Adakah keperluan melaporkan secara bertulis kejadian kemalangan (Lampiran G) kepada S.P.A.D. dalam tempoh tiga (3) hari (72 jam) selepas kemalangan diamalkan?</p> <p>➤ Adakah komponen HIRARC(Jangkaan Bahaya, Penilaian dan Kawalan Risiko) dilaksanakan sepenuhnya untuk perkara yang berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Mengenal pasti risiko perjalanan</li> <li>▪ Taksiran risiko</li> <li>▪ Pengawalan risiko</li> <li>▪ Langkah penambahbaikan</li> </ul>		

**BUKU PANDUAN DAN KOD AMALAN INDUSTRI S.P.A.D. -**  
**KESELAMATAN UNTUK PENGENDALI BERLESEN PERKHIDMATAN KENDERAAN BARANGAN**

FAKTOR PERSEKITARAN	YA (√)	TIDAK (X)																				
<ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Adakah Pengendali peka dan mengambil langkah pengawalan pencemaran udara?</li> <li>➤ Adakah program dan strategi dirancang untuk meminimumkan pencemaran buni dalam kenderaan, di kawasan depoh dan dalam perjalanan?</li> <li>➤ Adakah usaha dilaksanakan untuk mengawal dan mengurus pengeluaran sisa?</li> <li>➤ Adakah pelupusan tayar dan barang mematuhi amalan terbaik dan meminimumkan impak negatif terhadap alam sekitar?</li> </ul>																						
<b>PENGESAHAN PEMERIKSAAN AUDIT DALAMAN</b>																						
<p>Saya dengan ini mengesahkan bahawa pemeriksaan seperti dalam senarai semak telah dibuat oleh:</p> <table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <thead> <tr> <th style="text-align: center; padding: 2px;">Nama</th> <th style="text-align: center; padding: 2px;">Jawatan</th> <th style="text-align: center; padding: 2px;">Tandatangan</th> <th style="text-align: center; padding: 2px;">Tarikh</th> </tr> </thead> <tbody> <tr><td style="height: 20px;"></td><td></td><td></td><td></td></tr> <tr><td style="height: 20px;"></td><td></td><td></td><td></td></tr> <tr><td style="height: 20px;"></td><td></td><td></td><td></td></tr> <tr><td style="height: 20px;"></td><td></td><td></td><td></td></tr> </tbody> </table> <p>Dan saya mengesahkan semua maklumat yang terdapat dalam senarai semak adalah benar.</p> <p>Disahkan oleh Pengendali: _____</p> <p>Nama : _____</p> <p>Tarikh : _____</p>			Nama	Jawatan	Tandatangan	Tarikh																
Nama	Jawatan	Tandatangan	Tarikh																			

**BUKU PANDUAN DAN KOD AMALAN INDUSTRI S.P.A.D. -**  
**KESELAMATAN UNTUK PENGENDALI BERLESEN PERKHIDMATAN KENDERAAN BARANGAN**

**LAMPIRAN D (Senarai Semakan Pengendali)**

SENARAI SEMAKAN PENGENDALI			
A	PENGURUSAN DAN PENGAWALSELIAN ASPEK-ASPEK KESELAMATAN	YA (✓)	TIDAK (X)
	<ul style="list-style-type: none"> <li>➢ Menetapkan dan mengawasi dasar keselamatan dan kesihatan</li> <li>➢ Menubuhkan dan mempergerusikan mesyuarat jawatankuasa keselamatan dan kesihatan setiap bulan</li> <li>➢ Merangka dan melaksanakan pelan kawalan risiko perjalanan</li> <li>➢ Pemantauan sistem penyimpanan rekod</li> <li>➢ Merangka dan melaksanakan pelan tindakan kecemasan</li> </ul>		
B	PENGURUSAN PEMANDU	YA (✓)	TIDAK (X)
	<ul style="list-style-type: none"> <li>➢ Pemantauan prosedur pengambilan pemandu</li> <li>➢ Latihan dan perubahan minda</li> <li>➢ Pemantauan risiko perjalanan</li> <li>➢ Pematuhan pada had waktu pemanduan dan bekerja</li> </ul>		
C	PENGURUSAN KENDERAAN	YA (✓)	TIDAK (X)
	<ul style="list-style-type: none"> <li>➢ Pemantauan program penyelenggaraan dan baik pulih kenderaan</li> <li>➢ Memantau penyimpanan rekod penyelenggaraan dan kerosakan kenderaan secara lengkap</li> </ul>		
D	PENILAIAN DAN PENGAWALAN RISIKO	YA (✓)	TIDAK (X)
	<ul style="list-style-type: none"> <li>➢ Pengurusan perjalanan dan risiko</li> <li>➢ Penilaian dan kawalan bahaya dan risiko laluan</li> <li>➢ Perlindungan insurans sebagai keperluan wajib</li> <li>➢ Pematuhan pada jadual perjalanan</li> </ul>		

**BUKU PANDUAN DAN KOD AMALAN INDUSTRI S.P.A.D. -**  
**KESELAMATAN UNTUK PENGENDALI BERLESEN PERKHIDMATAN KENDERAAN BARANGAN**

**LAMPIRAN E (Senarai Semakan Pusat Kawalan)**

<b>SENARAI SEMAK PUSAT KAWALAN</b>			
A	ADAKAH PUSAT KAWALAN OPERASI PERJALANAN	YA (√)	TIDAK (X)
	<ul style="list-style-type: none"> <li>➢ Memantau pemandu dan laluan perjalanan</li> <li>➢ Memuat turun rekod GPS bagi setiap perjalanan dan menghantarnya untuk tindakan SHO atau SHS setiap hari</li> <li>➢ Mengurus aduan pelanggan</li> <li>➢ Menghantar rekod kemalangan/insiden kepada pihak pengurusan</li> </ul>		

**LAMPIRAN F (Pelan Bantuan Kecemasan Kemalangan Jalan Raya (ERP))**

<b>PELAN BANTUAN KECEMASAN (ERP)</b>	
A	TINDAKAN DI TEMPAT KEJADIAN
	<ul style="list-style-type: none"> <li>➢ Hubungi agensi berwajib seperti S.P.A.D. (1800-88-7723), BOMBA (999), PDRM (999), Ambulans (999), JPJ, Jabatan Pertahanan Awam Malaysia, pihak berkuasa jalan dan pihak hospital</li> <li>➢ Hubungi Pusat Kawalan Operasi Perjalanan Syarikat kenderaan barang</li> <li>➢ Berikan bantuan kecemasan kepada mangsa yang cedera</li> <li>➢ Menyelamatkan penumpang yang terperangkap (dalam kecemasan)</li> <li>➢ Pilih tempat yang selamat dan berteduh bagi penubuhan kawasan rawatan sementara mangsa kemalangan/insiden</li> <li>➢ Meletakkan 5 (lima) buah kon, segi tiga, pita bahan pemantul cahaya</li> <li>➢ Cuba alihkan kenderaan yang terlibat dalam kemalangan/insiden ke tempat selamat di luar laluan trafik</li> <li>➢ Pastikan pertolongan rapi diberikan kepada mangsa yang mengalami kecederaan parah</li> </ul>
B	TINDAKAN SUSULAN SELEPAS KEJADIAN
	<ul style="list-style-type: none"> <li>➢ Membuat laporan polis</li> <li>➢ Sampel darah dan air kencing diambil daripada pemandu kenderaan bagi tujuan siasatan</li> <li>➢ Hubungi ahli keluarga mangsa kemalangan/insiden</li> <li>➢ Pengendali menjalankan siasatan awal terhadap punca kemalangan/insiden</li> <li>➢ Kenyataan akhbar oleh Pengendali</li> <li>➢ Melaporkan kemalangan/insiden kepada talian hotline 1800-88-7723(SPAD) dalam tempoh 2 jam</li> <li>➢ Melaporkan secara bertulis (Lampiran G) kejadian kemalangan kepada S.P.A.D. dalam tempoh tiga (3) hari (72 jam) selepas kemalangan</li> </ul>

**BUKU PANDUAN DAN KOD AMALAN INDUSTRI S.P.A.D. -**  
**KESELAMATAN UNTUK PENGENDALI BERLESEN PERKHIDMATAN KENDERAAN BARANGAN**

C	TINDAKAN PIHAK BERWAJIB
	<ul style="list-style-type: none"><li>➤ Pelan tindakan kecemasan pihak hospital, JPA, Bulan Sabit, pihak berkuasa jalan dan agensi penguatkuasa</li><li>➤ Penyiasatan kemalangan oleh MIROS dan S.P.A.D.</li><li>➤ Pengauditan oleh S.P.A.D. di bawah program S.P.A.D. ICOP - Keselamatan</li></ul>

**BUKU PANDUAN DAN KOD AMALAN INDUSTRI S.P.A.D. -**  
**KESELAMATAN UNTUK PENGENDALI BERLESEN PERKHIDMATAN KENDERAAN BARANGAN**

**LAMPIRAN G (Notis Bertulis Kemalangan Jalan Raya Oleh Pengendali)**

**(Hendaklah dihantar dalam tempoh 72 jam selepas kemalangan)**

Ruj. Kami :

Tarikh : \_\_\_\_\_

Jabatan SPAD ICOP - Keselamatan

Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (S.P.A.D.)

Emel : [spadicopsafety@spad.gov.my](mailto:spadicopsafety@spad.gov.my)

Faks : 03-2726 7007/7033

**Maklumat kes**

1.	Nama Pengendali	:																				
2.	No. Pendaftaran Syarikat	:																				
3.	Tarikh & Masa Kejadian	:																				
4.	Tempat Kejadian	:																				
5.	Jenis Kenderaan Terlibat	:																				
6.	Nombor Pendaftaran Kenderaan	:																				
7.	Nama Pemandu & No. Kad Pengenalan	:																				
8.	Kecederaan / Kematian	:	<table border="1" style="width:100%;"><thead><tr><th></th><th>Maut (L/P)</th><th>Cedera Parah (L/P)</th><th>Cedera Ringan (L/P)</th></tr></thead><tbody><tr><td>Pemandu</td><td></td><td></td><td></td></tr><tr><td>Penumpang</td><td></td><td></td><td></td></tr><tr><td>Lain-lain</td><td></td><td></td><td></td></tr></tbody></table>					Maut (L/P)	Cedera Parah (L/P)	Cedera Ringan (L/P)	Pemandu				Penumpang				Lain-lain			
	Maut (L/P)	Cedera Parah (L/P)	Cedera Ringan (L/P)																			
Pemandu																						
Penumpang																						
Lain-lain																						

**BUKU PANDUAN DAN KOD AMALAN INDUSTRI S.P.A.D. -**  
**KESELAMATAN UNTUK PENGENDALI BERLESEN PERKHIDMATAN KENDERAAN BARANGAN**

9. Maklumat tambahan mangsa kemalangan (sila guna lampiran jika ruang ini tidak mencukupi) :

---

---

---

---

10. Ringkasan kejadian : (Sila lampirkan salinan laporan polis dan gambar berkaitan)

---

---

---

---

11. Butir kerosakan harta benda :

Infrastruktur (contoh: jalan, penghadang jalan, lampu jalan, papan tanda, dll.)	
Maklumat kenderaan syarikat	
Maklumat kenderaan pihak ketiga	
Pencemaran alam sekitar (contoh: tumpahan minyak, kebocoran gas, kebakaran, dll.)	
Lain-lain kerosakan	

**BUKU PANDUAN DAN KOD AMALAN INDUSTRI S.P.A.D. -**  
**KESELAMATAN UNTUK PENGENDALI BERLESEN PERKHIDMATAN KENDERAAN BARANGAN**

**LAMPIRAN H (Kenyataan Media Mengenai Kemalangan Jalan Raya)**

Sebagai Pengurus Syarikat \_\_\_\_\_, saya ingin mengucapkan takziah kepada keluarga mangsa yang telah terlibat dalam kemalangan yang telah berlaku:

Tarikh dan Masa Kejadian : \_\_\_\_\_

Lokasi : \_\_\_\_\_

Jenis kenderaan terlibat : \_\_\_\_\_

Mangsa : \_\_\_\_\_

	Maut (L/P)	Cedera Parah (L/P)	Cedera Ringan (L/P)
Pemandu			
Penumpang			
Lain-lain			

Syarikat \_\_\_\_\_ sentiasa mengutamakan semua aspek keselamatan setiap perjalanan kami, samada dari aspek kepimpinan keselamatan termasuk keselamatan pemandu dan kenderaan serta risiko perjalanan dan rekod keselamatan. Antara inisiatif keselamatan yang telah dilaksanakan/diamalkan oleh Syarikat \_\_\_\_\_ ialah \_\_\_\_\_, \_\_\_\_\_ dan \_\_\_\_\_.

Pengendali sedang memastikan mangsa dan keluarga yang terlibat diberikan segala bantuan sokongan yang diperlukan.

Nama:

Pengurus Syarikat \_\_\_\_\_

Tarikh:



[www.spad.gov.my](http://www.spad.gov.my)

**Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (S.P.A.D.)**

**Block D, Platinum Sentral,  
Jalan Stesen Sentral 2,  
Kuala Lumpur Sentral,**

**50470 Kuala Lumpur  
Hotline: 1800-88-SPAD (7723)**